Oleh kerana proses penghijauan TVET telah difahami, maka langkah seterusnya adalah untuk memulakan perancangan secara menyeluruh yang melibatkan matlamat dan sasaran jangka panjang dan sederhana. Walau bagaimanapun, untuk mengubah keseluruhan orientasi institusi ke arah tahap perkhidmatan yang lebih baik kepada pelajar dan komuniti memerlukan anjakan pemikiran serta perancangan yang teliti. Institusi yang gagal dalam percubaan pertama kerana komunikasi atau perundingan yang kurang berkesan boleh menyebabkan penentangan di kalangan kakitangan dan pelajar. Ini akan membuatkan percubaan berikutnya lebih sukar. Walaupun setiap institusi adalah unik, terdapat beberapa tindakan atau produk yang perlu dipertimbangkan di dalam membentuk satu IGP yang mewakili tindakbalas bersepadu kearah penghijauan sesebuah institusi.

Pertama dan terpenting adalah keperluan untuk mengenal pasti teraju utama dalam institusi (pasukan teras) yang akan memainkan peranan

untuk memudahkan proses. Mereka terdiri daripada orang yang mampu untuk mengumpulkan kekuatan kolektif bagi menjalankan projek yang dirancang. Tugas mereka termasuk menubuhkan serta menyebarkan rasional proses tersebut.

2.1 MENINGKATKAN KESEDARAN DAN PERUMUSAN RASIONAL

Mewujudkan rasional untuk pendekatan keseluruhan institusi mungkin langkah yang paling penting. Tanpa rasional ini, tidak semua kakitangan memahami betapa pentingnya penglibatan mereka dalam proses ini. Oleh yang demikian, ia akan menjadi sangat sukar untuk menerapkan kelestarian dalam budaya institusi secara kekal. Jika pasukan teras mewujudkan rasa perlu untuk menghargai perubahan, maka kakitangan secara keseluruhannya akan menjadi lebih yakin atas kepentingan bertindak segera.

Proses ini bukan saja mesti dilihat sebagai keperluan, tetapi juga sebagai memberi khidmat kepada pelajar, komuniti, kakitangan dan institusi. Ia tidak boleh dilihat hanya dari sudut kepentingan pentadbiran. Akhir sekali, rasional sebegini, mesti dikongsi secara meluas.

Menggubal rasional

Institusi kini telah mempunyai tujuan yang kukuh bagi menghubungkan proses penghijauan dengan agenda nasional. Langkah seterusnya, selepas menilai daya luaran (positif atau negatif), adalah penting untuk menjalankan analisis secara

sistematik atau konseptual ke atas sebarang pertentangan sekiranya ia wujud di dalam institusi. Rasional yang timbul akan seterusnya memberikan Panduan kepada institusi untuk merekabentuk tindakan yang perlu diambil termasuklah pemetaan visi yang jelas.

Setelah dibangunkan, hasil dapatan dan justifikasi mengapa pihak institusi perlu bergerak ke arah konsep kehijauan, perlu dikongsi dan dibincangkan di semua peringkat pihak berkepentingan di institusi tersebut. Rasional yang bagus adalah yang jelas, boleh diperbincangkan dan diperbaiki, agar pemahaman secara kolektif oleh pelbagai peringkat di institusi dapat dicapai.

RAJAH 6
MENGGUBAL RASIONAL – PERTIMBANGAN UTAMA



Sumber : Penulis

KOTAK 7 MENGKAJI KEMAHIRAN HIJAU DALAM SEKTOR PERLOMBONGAN DI AFRIKA SELATAN

Projek penyelidikan yang dijalankan di Afrika Selatan menunjukkan bagaimana hujah yang kuat untuk membangunkan kemahiran hijau boleh ditubuhkan dan dimaklumkan melalui analisis maklumat sekitar pekerjaan. Institusi boleh memulakan projek kecil atau campuran latihan sehingga mereka bersedia untuk menyesuaikan pembangunan kemahiran dan strategi latihan kepada kelestarian dan meningkatkan skop aspek persekitaran kelayakan yang mereka tawarkan. Kajian ini dijalankan di bawah naungan Lembaga Kelayakan perlombongan (MQA) di Afrika Selatan untuk memaklumkan keputusan dan bimbingan orang lain mengenai perancangan untuk pembangunan kemahiran hijau. Objektifnya adalah untuk menentukan kemahiran hijau yang diperlukan dalam rangkaian nilai perlombongan, kemahiran hijau yang terhad, rangkaian bekalan daripada kemahiran dan cabaran dan faktor-faktor yang mempengaruhi laluan kerjaya.

Dalam analisis kontekstual industri perlombongan arang batu, salah satu daripada beberapa langkah yang dibuat, mendedahkan pemandu kepada kemahiran hijau dalam perlombongan. Langkah lain ialah untuk menarik rangkaian nilai dalam industri perlombongan arang batu untuk memahami sepenuhnya proses, aktiviti dan fungsi yang terlibat dalam perusahaan perlombongan, dan seterusnya menentukan komponen kemahiran hijau di dalam sektor untuk membuat amalan yang lebih lestari. Langkah ini dengan ketara melihat ke dalam:

- pertimbangan sosio ekonomi (termasuk aspek sejarah yang masih mempunyai pengaruh yang kuat pada masa ini);
- dasar dan pertimbangan perundangan, termasuk pelbagai isu perlombongan dan alam sekitar yang menggunakan pemandu teknologi;
- pertimbangan alam sekitar secara amnya dan hubungannya dengan perubahan iklim, kualiti udara dan kesihatan pekerja, air, sisa dan biodiversiti.

Sumber: Rosenberg (2015)

KOTAK 8 MENGGUBAL RASIONAL UNTUK PENGHIJAUAN TVET DI JAMAICA

Menggalakkan kemahiran hijau dan tindakan penajajaran dengan TVET untuk pembangunan lestari adalah matlamat penting dalam inisiatif penghijauan TVET di Jamaica. Diterajui oleh Heart Trust and the National Training Institute Authority, rasional untuk usaha keseluruhan institusi adalah berupaya untuk melengkapkan pelajar dan pekerja dengan teknik, pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk memastikan pembangunan lestari melalui pemuliharaan, inisiatif kitar semula dan tenaga boleh diperbaharui. Heart Trust/NTA telah menyampaikan inisiatif ini kepada beberapa pihak berkepentingan utama melalui beberapa siri aktiviti. Sebagai contoh, ia menganjurkan seminar untuk melibatkan beberapa pemain dan yang berkepentingan di Jamaica melalui perjalanan ini.

Sumber: Heart Trust/NTA (2016)

2.2 MEMBINA VISI

Perlu terdapat pemahaman secara menyeluruh mengenai potensi institusi untuk menyumbang kepada polisi kebangsaan sedia ada. Sebaik sahaja semua maklumat yang diperlukan bagi mengenal pasti arah tuju diperolehi, proses pembangunan visi boleh dimulakan. Semua kakitangan perlu dilibatkan supaya di akhir proses tersebut, mereka mempunyai pemahaman yang jelas mengenai objektif, kejayaan yang akan dicapai serta peranan individu bagi memastikan kejayaan visi tersebut. Ini juga merupakan langkah yang penting kerana ia memerlukan penglibatan pakar dari dalam dan luar institusi bagi membantu proses tersebut.

IGP tersebut mestilah padu dan digabungkan dalam perancangan induk atau pelan strategik keseluruhan institusi di mana program dan amalan selari dengan polisi baru atau sedia ada. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, kerjasama dengan entiti lain di dalam atau luar negara tentunya akan membawa faedah yang lebih baik, contohnya, mewujudkan sinergi serta momentum dan skala yang memberikan kesan penting kepada usaha penghijauan. Selain usaha di peringkat nasional dan antarabangsa, yang penting adalah sokongan di kalangan industri tempatan dan syarikat lain. Kerjasama dengan sektor tersebut akan membantu pelan jangka panjang institusi yang melibatkan perancangan dan penstrukturan semula kursus/ program pengajian demi perkhidmatan yang baik untuk pelajar dan komuniti.

2.3 MEMPROMOSIKAN PENDEKATAN SECARA MELUAS

Proses ini perlu berlaku lebih awal. Pemimpin yang mencipta visi sendiri dan seterusnya mendekati orang lain untuk melakukan kerja tidak akan berjaya kecuali jika mereka merombak visi tersebut dan memastikan penglibatan staf dalam perancangan proses itu diketengahkan. Dengan cara ini, pihak pengurusan, pekerja, serta pelajar akan merasa lebih komited dan menerima hak serta bertanggungjawab sepanjang proses berlangsung.

2.4 MENILAI REALITI SEMASA

Sebelum sasaran, peranan dan instrumen pengukur dibangunkan, penilaian berskala besar tentang situasi semasa perlu dijalankan.

Satu instrument yang biasa digunakan dalam pengurusan perubahan untuk membangunkan gambaran umum adalah analisa medan-daya.

Analisa medan-daya dibangunkan oleh Kurt Lewin untuk menganalisis faktor-faktor secara sistematik dalam situasi yang rumit. Ia membantu dalam menilai permasalahan melalui kekuatan atau tekanan daya yang menyokong keadaan sedia ada (daya penyekat) serta tekanan yang menyokong perubahan kepada keadaan yang dikehendaki (daya pemacu). Penilaian daya penyekat dan daya pemacu dalam sesebuah sistem organisasi, boleh membawa kepada pemahaman keseimbangan yang tercipta antara kedua-dua daya. Hasil penilaian ini mampu menyebabkan perubahan ketika daya pengerak melebihi daya penyekat.

Dalam proses ini, pelbagai kumpulan yang mengetahui tanggungjawab mereka akan melalui tiga langkah (diikuti dengan langkah keempat, apabila pelan dilaksanakan).

KOTAK 9

ANALISA MEDAN-DAYA (FORCE FIELD ANALYSIS (FFA))

FFA-1: Pastikan peserta memahami dan menerima visi dan matlamat keseluruhan. Ini termasuk rasional untuk menjalankan dan mewujudkan faktor-faktor yang diutamakan. Terangkan bagaimana ia akan memberi manfaat kepada pelajar, masyarakat dan institusi itu sendiri. Nyatakan tempoh bagi mencapai matlamat jangka pendek, sederhana dan panjang. Pastikan ketelusan dan mekanisme maklum balas untuk membantu menyempurnakan tindakan.

FFA-2: Galakkan pasukan untuk meneroka dan menggariskan halangan sedia ada yang perlu ditangani, serta komponen atau situasi positif yang boleh digunakan untuk membantu proses penghijauan. Ia berguna untuk mengadakan beberapa sesi latihan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan atau sektor pekerja. Intipatinya adalah untuk melibatkan seberapa ramai individu yang mungkin untuk mendapatkan pandangan dan nasihat, dan seterusnya melibatkan semua pihak, termasuk pelajar dan masyarakat agar mereka merasa komited dan pendapat mereka dihormati.

Terdapat pelbagai kaedah untuk menjalankan proses ini. Rajah 7 menunjukkan contoh penggunaan FFA. Di dalam kaedah ini, matlamat diletakkan di bahagian atas carta. Garis bergelombang dilukis melalui kawasan pertengahan carta, yang kemudiannya memisahkan faktor negatif yang mungkin menghalang penghijauan yang dikehendaki daripada keadaan positif yang terdapat di bawah garisan. Konsep ini adalah untuk membina gambaran yang jelas tentang realiti semasa. Kesemua faktor yang berkemungkinan dan berlawanan dikumpulkan dan direkodkan. Isu-isu seperti perubahan dalam keperluan komuniti atau majikan, peralatan usang, atau kepakaran fakulti dan/atau kepentingan haruslah disenaraikan dan dimasukkan. Contoh faktor yang menghalang adalah kelesuan pengurusan, kesedaran komuniti yang rendah, sistem pengurusan, kekurangan sumber, beban kerja dalaman serta keutamaan (luar). Antara faktor yang mungkin membantu ialah komitmen kepimpinan, aktiviti dalam komuniti, jangkaan penjimatan kos, peraturan alam sekitar baru dan permintaan awam. Faktor-faktor ini perlu dianalisis sepenuhnya untuk memahami keseimbangan yang dicipta oleh faktor-faktor yang menentang.


FFA-3: Langkah seterusnya adalah menghimpunkan pelbagai FFA yang dijalankan ke atas seluruh institusi untuk membentuk penilaian utama terhadap situasi semasa. Penilaian induk ini adalah sangat penting bagi menentukan keutamaan dengan tepat, mengenal pasti sumber (sumber manusia, dana kewangan, intelektual - dan keperluan, seperti peralatan atau pengambilan pekerja,) yang mana kakitangan dan pentadbiran bersedia untuk menyumbang kepada pendekatan yang berjaya.

Sumber: Dent and Goldberg (1999)

RAJAH 7

CONTOH PENILAIAN UTAMA MENGGUNAKAN ANALISA MEDAN-DAYA (FORCE FIELD ANALYSIS (FFA))

Matlamat: Penukaran kurikulum dan latihan untuk mengajar kemahiran hijau



Penilaian telah dijalankan sebagai sebahagian daripada 'mock exercise' semasa Program Kepimpinan TVET UNEVOC (Oktober 2016). Di sini, sekumpulan pemimpin TVET menggunakan FFA untuk menganalisa faktor pendorong dan halangan yang boleh mempengaruhi visi kumpulan untuk mengubah kurikulum dan latihan di institusi untuk membolehkan pengajaran kemahiran hijau. Penilaian terhadap realiti semasa mencadangkan bahawa terdapat faktor halangan termasuk yang bersifat dalaman (kekurangan minat, penolakan terhadap perubahan) dan luaran (pembiayaan, kekurangan dasar kebangsaan) institusi.

Faktor dorongan bagaimanapun mewakili elemen semasa yang berada dalam kawalan institusi. Mempunyai mandat untuk menerapkan kemahiran hijau mungkin boleh dijadikan justifikasi yang kukuh untuk menukar penolakan kepada motivasi dan membina kesedaran dan pemahaman. Sekiranya ia berlakunya, ini membuktikan wujudnya jurang komunikasi. Di samping itu, kerjasama semasa mungkin merupakan faktor berkaitan dengan isu kewangan memandangkan pihak berkepentingan boleh menawarkan bantuan sumber bagi merealisasikan visi tersebut.

Sumber: Penulis

2.5 MEMBANGUNKAN PELAN TINDAKAN PENGHIJAUAN INSTITUSI

Setelah FFA dilengkapkan, keutamaan bolehlah ditentukan, dan IGP direka. Walau bagaimanapun, kekangan dari segi sumber atau polisi sedia ada atau kakitangan, menyebabkan terdapat keperluan untuk menyediakan senarai keutamaan. Adalah penting bagi kaitangan memahami apa yang utama dan bagaimana ianya menjadi keutamaan. Ketelusan adalah penting. IGP perlu menyatakan tujuan dan sasaran jangka pendek, sederhana dan panjang. Dana, tanggungjawab dan penunjuk kejayaan adalah sebahagian daripada IGP. Sasaran jangka pendek memastikan perancangan dijalankan dengan segera manakala sasaran jangka panjang


adalah untuk menyediakan panduan dan renungan terhadap visi untuk perancangan institusi. IGP perlu mempunyai jadual yang lebih spesifik dan perlu diolah sekiranya perlu.

Penghijauan Kampus

Penyelarasan sasaran operasi dan kaedah sesebuah institusi sentiasa dikaitkan dengan prestasi serta kos di dalam menguruskan sesebuah institusi. Keadaan ini boleh dicapai melalui pengadaptasian piawai bangunan baru (kod amalan) untuk kecekapan tenaga atau memperbaiki keadaan alam sekitar serta inisiatif penggunaan air bawah tanah bagi mengurangkan penggunaan sumber air.

RAJAH 8

CONTOH RANGKA KERJA PELAN PENGHIJAUAN: GEORGE BROWN COLLEGE, KANADA



Sumber: George Brown College (n.d.a)

Membangunkan pelan pemuliharaan yang baru yang mana menyediakan platform ini dapat memanfaatkan masyarakat merupakan satu contoh yang baik untuk memperkenalkan dan mempromosikan pelan penghijauan kampus.

George Brown College di Kanada telah membangunkan Strategi 2020nya dengan berikrar untuk mencipta pengalaman di kolej yang menambahkan tahap kepuasan pelajar dengan memastikan sumber digunakan secara cekap, beretika dan bertanggungjawab. Sasarannya adalah untuk memberikan Panduan kewangan dan kemudahan fizikal agar kolej boleh berkembang, seterusnya memperbaiki persekitaran kolej untuk kebaikan keseluruhan komuniti. Teras utama strategi ini adalah pelan hijau yang kukuh.

Penghijauan Kurikulum dan latihan TVET

Mengintegrasikan kelestarian di dalam kurikulum dan latihan adalah nadi penghijauan institusi. TVET, seperti yang dibincangkan dalam Bahagian 1. Proses ini melengkapkan pengusaha dengan sumber kemahiran untuk menangani pemprosesan, teknologi dan aliran bahan serta kesan pada alam sekitar. Nilai ekonomi dan pekerjaan di dalam proses penghijauan adalah tinggi. Walau bagaimanapun, ia hanya pelengkap kepada aspek sosial dalam proses penghijauan yang perlu di tanamkan dalam institusi TVET bagi membangunkan graduan yang berupaya menyumbang secara aktif terhadap pembangunan

masyarakat yang inklusif, berdaya saing, kesamarataan serta bertanggungjawab.

Kebanyakan hasil pendidikan dan latihan (Contoh: Warganegara global, profesional berkelayakan, individu berfikiran kritikal, usahawan) boleh diukur bergantung kepada input yang mantap, sebagai contoh, latihan yang direka untuk memindahkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan serta meningkatkan penguasaan kemahiran ini. Penghijauan kurikulum dan latihan TVET perlu mengambil kira hasil tersebut. Mengikuti trend kemahiran (Strietska-Ilina et al., 2011), semasa peralihan ke ekonomi hijau yang dibincangkan dalam Bahagian 1, terdapat anjakan dalam bidang pekerjaan berkemahiran baru muncul; dan pekerjaan sedia ada bersifat lebih mesra alam atau disesuaikan untuk mengurangkan jejak ekologi.

Mengintegrasikan kemahiran tambahan ke dalam kurikulum dan latihan bukan satu tugas yang mudah. Oleh itu, tiga tahap yang boleh menyokong proses tersebut perlu dipertimbangkan. Apa yang boleh dilaksanakan secara realistik dan boleh ditemui dengan menilai keperluan dan tuntutan pasaran tenaga kerja, mempertimbangkan aspek kelestarian alam sekitar di dalam pekerjaan, serta menyesuaikan bagi memenuhi keperluan tersebut dengan kurikulum yang ada untuk mengenal pasti jurang dan memutuskan cara terbaik untuk mengisi jurang tersebut. Menyediakan senarai lengkap tugas yang terlibat dalam pekerjaan dan implikasi alam sekitar akan menjadi titik permulaan yang baik.

JADUAL 2

Tiga peringkat untuk dipertimbangkan di dalam mengintegrasikan kemahiran

Peringkat Makro-/Sistemik	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan kemahiran baru di dalam rangka kerja semasa program institusi • Tambahan kelayakkan pada latihan peringkat lanjutan • Pengkhususan di dalam pekerjaan berkaitan teknologi alam sekitar terpilih • Pemacu ekonomi, sosial dan alam sekitar
Peringkat Meso-/Institusi	<ul style="list-style-type: none"> • Koordinasi di antara industri dan institusi TVET • Permintaan komuniti atau sektor terhadap kemahiran • Kelestarian peralatan di institusi latihan
Peringkat Mikro-/Program	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan pengajaran dan pembelajaran • Latihan untuk guru dan tenaga pengajar • Kemahiran asas bagi pelajar

Kotak kes 10,11 dan 12 memberikan contoh pendekatan yang digunakan di dalam kaedah kurikulum dan latihan bagi memenuhi:

- tahap permintaan terhadap kemahiran kelestarian di tempat kerja;
- keperluan sektor perniagaan;
- berharmoni dengan rangka kelayakan vokasional.

KOTAK 10

PENGADAPTASIAN PROGRAM DIPLOMA SEDIA ADA BAGI MEMBANGUNKAN KURIKULUM BARU SEBUAH POLITEKNIK DI MALAYSIA

Perkembangan dalam teknologi hijau di Malaysia menunjukkan bahawa ia memerlukan tenaga kerja yang berupaya menyokong perkembangan-perkembangan ini. Kajian kes ini adalah bertumpu kepada program Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kecekapan Tenaga) di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Manfaatnya adalah untuk mengenal pasti keperluan tempat kerja dan membangunkan program yang boleh ditawarkan pada peringkat diploma.

Satu pasukan penyelidik telah menjalankan kajian 'analisis keperluan program' untuk justifikasi program dan mengenal pasti pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan kurikulum. Penyelidik bermula dengan menganalisa dokumen dan sumber lain yang relevan untuk menentukan keperluan program, dan menghasilkan data sekunder. Data primer seterusnya diperolehi melalui soal selidik dan tinjauan separa berstruktur. Tiga kumpulan responden disasarkan: pelajar sasaran, industri dan kakitangan. Data dianalisis secara kuantitati dan kualitatif. Penemuan ini telah digunakan untuk menjustifikasi program yang akan ditawarkan dan juga memberi input kepada pembangunan kurikulum.

Hasil dapatan kajian telah dibentangkan kepada badan pembuat keputusan iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik untuk kelulusan sebelum pembangunan kurikulum dimulakan. Kurikulum yang dibangunkan telah dibentangkan kepada Suruhanjaya Kurikulum supaya ahli dapat memberi input sebelum kelulusan akhir dibuat.

Setelah diluluskan, jabatan menguruskan peruntukan kewangan untuk menyediakan kemudahan fizikal, peralatan, dan pelantikan kakitangan serta latihan. Dalam kes khusus ini, program yang baru adalah berdasarkan program diploma sedia ada iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa), dengan beberapa modifikasi penting. Pengubahsuaian ini termasuk unsur-unsur tambahan berikut:

- Kecekapan Tenaga dan Pemuliharaan;
- Pengukuran Tenaga dan Instrumentasi;
- Tenaga Boleh Diperbaharui (RE);
- Pengetahuan Asas Utiliti Elektrik;
- Pengurusan Tenaga dan Audit.

Sebagai permulaan, politeknik tersebut dilengkapi dengan gabungan kincir angin dan panel solar untuk menghasilkan tenaga boleh diperbaharui, yang mana tersimpan di dalam bateri. Kuasa yang tersimpan digunakan untuk menyalakan koridor Jabatan Kejuruteraan Elektrik dari waktu malam hingga subuh. Sumber-sumber ini akan menyokong pengajaran dan pembelajaran untuk program tersebut. Di samping itu, beberapa kemudahan dan peralatan yang sedia ada dikongsi dan peralatan baru dibeli. Isu dan cabaran utama yang dihadapi melibatkan perolehan kewangan dan pengambilan kakitangan.

Sumber: UNESCO-UNEVOC (2015a)

KOTAK 11

MENGGUNAKAN KOMPONEN KELESTARIAN DI DALAM KURIKULUM KOMPETENSI-BIDANG DI GRENADA

Di bawah CARICOM Education for Employment Program (C-EFE), institusi di Kanada dan Caribbean telah melaksanakan Program Amalan kelestarian Alam Sekitar (ESP) dan sama-sama membangunkan Program TVET yang dikaitkan ke arah ekonomi hijau, terutamanya untuk Grenada. Untuk memastikan program tersebut didorong oleh permintaan, penilaian keperluan sosial dan tenaga kerja dilakukan melalui soal selidik. Untuk membangunkan kurikulum, bengkel analisis kerja dijalankan untuk mengenal pasti dan mengesahkan kompetensi yang diperlukan oleh pelatih. Bengkel tersebut digerakkan oleh pelbagai pihak berkepentingan dari tenaga profesional, institusi dan sektor awam yang mempunyai pemahaman teoritikal yang mendalam mengenai pekerjaan-pekerjaan serta aspek kelestarian pekerjaan tersebut. Proses ini dijalankan kerana di Grenada tidak ramai pekerja yang mahir tentang ciri-ciri pekerjaan dan tugas yang perlu dilaksanakan. Perkembangan kurikulum yang sebenar telah dijalankan untuk mengenal pasti kompetensi dalam kurikulum, membangunkan sukatan pelajaran dan menganalisis komponen program dengan sistem kredit di dalam institusi yang melaksanakan program tersebut (Contohnya, Kolej Komuniti TA Marryshaw di Grenada) dalam konteks pendidikan Caribbean yang lebih luas. Program juga diselaraskan dengan kelayakan rangka vokasional sedia ada melalui pembangunan modul. Inisiatif tersebut mengenal pasti dua puluh dua kompetensi dan telah membangunkan dua puluh empat kursus. Program ini merujuk kepada pelbagai disiplin ilmu dengan mengambil pendekatan untuk menerapkan komponen kelestarian ke dalam kompetensi khusus sesuatu bidang.

Sumber: Gagnon et al. (2014)

KOTAK 12

MEMBANGUNKAN STRATEGI UNTUK MENILAI KEPERLUAN LATIHAN UNTUK MEMPUK KEMAHIRAN KELESTARIAN DI AUSTRALIA

Pemahaman mengenai keperluan kelestarian di dalam sektor perniagaan adalah syarat penting untuk membangunkan program yang menawarkan penyelesaian kepada keperluan perniagaan.

Inisiatif bersama kerajaan negeri dan wilayah di Australia, yang dikenali sebagai "Skills for Sustainability", menyediakan panduan kepada organisasi latihan berdaftar di Australia untuk membangunkan program dan strategi latihan dan penilaian.

Menyesuaikan program

Terdapat keputusan penting yang perlu diambil dalam membangunkan sesebuah program. Ia memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang pilihan yang ada di diimbangi dengan pemahaman tentang keperluan perniagaan dan kemahiran. Antara isu yang perlu dipertimbangkan oleh sesebuah organisasi latihan di dalam membuat keputusan ialah:

- Memperolehi pemahaman yang mendalam tentang kelayakan permohonan pada peringkat yang berbeza dan kemahiran serta tugas yang disasarkan;
- Mengetahui sama ada kelayakan dan kemahiran memenuhi keperluan serta sesuai;
- Menentukan sama ada keperluan kemahiran adalah selaras dengan kelayakan kelestarian atau sama ada unit kelestarian perlu ditambah kepada kelayakan teknikal;

- Memahami dan memilih unit kompetensi yang sesuai dengan keperluan perniagaan;
- Menilai sama ada program yang ditawarkan memenuhi syarat kelayakkan termasuk pra syarat;
- Mengetahui aspek kompetensi yang perlu dipatuhi dan cara memenuhinya.

Latihan dan penilaian

Strategi ini bertujuan untuk membantu pihak berkepentingan merancang dan mendokumentasikan aspek utama bagi sesebuah program seperti kandungan program, perancangan latihan dan penilaian serta pihak yang terlibat.

Garis panduan ini berdasarkan pada anggapan bahawa tidak ada cara yang pasti untuk membentuk atau menyusun strategi struktur latihan dan penilaian. Walaubagaimanapun, inisiatif yang dijalankan adalah bagi memastikan:

- Terdapat pendekatan berstruktur untuk perancangan dan memberikan latihan dan penilaian;
- Latihan dan penilaian memenuhi kehendak unit kompetensi yang relevan;
- Jumlah latihan dan jadual pelaksanaan jelas;
- Latihan dan penilaian adalah relevan dengan industri dan tempat kerja serta memenuhi keperluan perniagaan;
- Terdapat sistem dan dokumentasi yang jelas tentang pelaksanaan program tersebut;
- Sumber dan bahan yang diperlukan adalah mencukupi dan sesuai apabila diperlukan;
- Program dijalankan secara konsisten dan penilaian disediakan kepada pelanggan.

Strategi dan pendekatan yang digunakan adalah berbeza. Strategi latihan dan penilaian adalah berlainan bergantung sama ada program tersebut berorientasikan kelayakkan penuh atau kluster kemahiran (unit kompetensi). Setiap kumpulan pelanggan mempunyai keperluan pembelajaran yang berlainan. Keperluan operasi industri pelanggan dan perubahan terhadap perundangan industri juga adalah antara faktor yang boleh memberikan kesan kepada strategi yang digunakan.

Sumber: MSA (n.d.)

Penghijauan komuniti dan tempat kerja

Terdapat keperluan untuk menyediakan pelajar dengan asas kelestarian di tempat kerja dan dalam komuniti di mana kemahiran diiktiraf sebagai sebahagian daripada pembangunan berasaskan komuniti atau tempatan. Manakala penghijauan kurikulum memberikan penekanan terhadap kemahiran kelestarian serta kandungan program yang boleh diaplikasikan di persekitaran pekerjaan. Penghijauan tempat kerja pula tertumpu terhadap bagaimana pembelajaran TVET boleh menyumbang kepada penghijauan persekitaran tempat kerja melalui proses, teknologi serta kerja yang dijalankan. Secara praktikal, institusi TVET adalah dalam posisi strategik untuk mempromosikan amalam yang boleh menyumbang kepada

pengurangan impak terhadap alam sekitar melalui proses perniagaan. Ia boleh dijalankan melalui pembangunan program kelestarian dengan menggunakan kemahiran dan latihan untuk menyelesaikan isu tempatan.

Institusi yang terlibat dalam pembangunan kapasiti dan menyediakan perkhidmatan latihan profesional untuk pihak berkepentingan di dalam sesebuah komuniti, boleh memainkan peranan utama untuk mengenalkan pendekatan kelestarian. Contoh yang sama daripada Costa Rica memberikan maklumat yang jelas bagi mengenal pasti isu tempatan serta menyediakan penyelesaian melalui latihan yang spesifik terhadap kumpulan sasaran.

KOTAK 13

MENGINTEGRASIKAN PENGURUSAN SISA BUANGAN DALAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN PROFESIONAL UNTUK MEKANIK KERETA DI COSTA RICA

Selaras dengan sasaran Costa Rica ke arah 'Karbon Neutral' pada 2021, Instituto Nacional de Aprendizaje (INA) telah mewujudkan peluang pembangunan kapasiti bagi meningkatkan tahap kesedaran alam sekitar, yang mana melibatkan pengurusan sisa automatif. INA telah menjalankan penyelidikan mendalam bagi membantu sektor pengangkutan tempatan untuk mendapatkan penyelesaian terhadap masalah serius yang dihadapi iaitu pencemaran tanah disebabkan pembaikan kenderaan bermotor. Inisiatif ini disokong melalui pengumpulan maklumat tentang pengurusan sisa automotive diseluruh negara. Hasil dapatan menunjukkan kerosakan alam sekitar berpunca daripada pelupusan sisa yang salah.


Pendekatan strategi yang digunakan oleh INA adalah untuk membangunkan pelbagai siri projek. Projek pertama dimulakan di pusat pembelajaran di kedai automatif yang melibatkan perkhidmatan pengajaran mekanik. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja teknikal. INA telah menyediakan modul untuk membangunkan pelan pengurusan sisa di kalangan tenaga pengajar dan pelajar. Pelan ini dilaksanakan melalui kursus jangka pendek dan manual sebagai panduan kepada pengajar dan pelajar sepanjang pelaksanaan pelan pengurusan sisa secara bersepadu. Ini juga dilengkapi dengan latihan kepada pemilik pusat automatif. Projek ini menunjukkan kejayaan implementasi pelan pengurusan sisa di lima daripada enam pusat latihan pendidikan untuk mekanik kereta. Seterusnya, inisiatif ini diperkembangkan untuk melatih empat puluh lima pemilik syarikat menggunakan modul kursus yang telah dibangunkan.

Sumber: UNESCO-UNEVOC (2014)

Pada peringkat ini, adalah perlu untuk memastikan kakitangan, pelajar serta komuniti mengambil tugas ini dengan serius. Institusi perlu menetapkan visi yang baru dalam rangka polisinya dan menyatakan arah tujuhnya melalui satu pelan jangka panjang. Memandang pelan ini memerlukan perincian serta spesifikasi yang kompleks, penjelasan awal boleh dipastikan menggunakan carta alir yang ringkas. Institusi digalakkan menggunakan lima pendekatan dalam *Panduan* ini. Poster serta risalah boleh diubahsuai mengikut keperluan jabatan berlainan. Pelaksanaan pelan tahunan perlu sejajar dengan IGP. Setiap fakulti, jabatan atau unit perlu melihat diri mereka sebagai penyumbang kepada keseluruhan pelan, mempunyai sasaran, serta penunjuk akauntabiliti.

Komuniti penasihat mungkin terdiri daripada wakil daripada fakulti, jabatan atau unit yang mesti bekemampuan untuk membawa kepada perubahan dan memberi galakkan untuk semua bekerja sebagai satu pasukan. Adalah digalakkan untuk mengumpulkan sekumpulan pakar daripada komuniti tempatan yang boleh menjalinkan inisiatif penghijauan dengan komuniti lain. Satu lagi kumpulan dibangunkan untuk mendapatkan sumber atau menilai projek yang telah dicadangkan. Manakala, satu lagi kumpulan boleh memberi perhatian kepada isu yang spesifik seperti penyelidikan.

LANGKAH 3: Melaksanakan Pelan Penghijauan Institusi



Setelah proses penghijauan difahami dan pelan tindakan keseluruhan telah ditentukan, sudah tiba masanya untuk langkah ketiga: melaksanakan rancangan pelan, mengembangkan sumber dan sokongan yang diperlukan untuk mencapai sasaran, serta mengatur penyampaian. Langkah 3 tertumpu kepada membangunkan strategi pelaksanaan.

Apabila realiti semasa telah ditentukan, keutamaan ditetapkan dan pelan dibuat. Peringkat seterusnya adalah menetapkan strategi dan memulakan pelaksanaan. Institusi TVET harus melaksanakan IGP melalui proses terbuka dan kolaboratif yang setanding dengan bagaimana pelajar sendiri mempelajari kemahiran sepanjang hayat tentang penghijauan tempat kerja. Proses ini harus mempertimbangkan kemahiran pekerjaan abad ke-21 kerana penghijauan tiada titik noktah. Sama seperti penambahbaikan berterusan dan pembangunan produk yang merupakan aspek biasa dunia kerja, proses yang sama juga akan digunakan untuk penghijauan tempat kerja, rumah dan gaya hidup pelajar. Langkah ini mengambilkira empat komponen yang sepatutnya dipertimbangkan dalam pelaksanaan.

3.1 AGIHAN TUGASAN

Mandat yang kuat diperlukan untuk memastikan setiap fakulti, jabatan atau unit komited untuk menuju arah yang sama. Berdasarkan matlamat yang dikenal pasti dalam perbincangan sebelumnya, perlu ada penjelasan mengenai tindakan yang akan diambil dan langkah-langkah untuk mencapai sasaran, seperti pembangunan profesional yang diperlukan atau penyemakmuran semula kurikulum. Tanggungjawab jabatan hendaklah diberikan kepada individu atau pasukan. Isu dan tanggapan TVET perlu disesuaikan mengikut operasi jabatan-jabatan yang berlainan di institusi tersebut.

Inisiatif ini harus bermula dengan satu siri tindakan yang mampu menghasilkan pencapaian jangka pendek bagi mewujudkan momentum: iaitu pelan pencapaian yang tersedia berdasarkan kepada hasil yang diinginkan.

PENGIJAUAN KAMPUS

Pencapaian dan hasil yang diinginkan	Cara-cara mencapai matlamat
<p><i>Contoh</i></p> <p>Amalan kelestarian menangani peningkatan ruang hijau melalui pemulihan habitat dan estetika.</p>	<p><i>Contoh</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti ruang atau aktiviti yang menyumbang kepada jejak karbon institusi; menilai aktiviti yang menyumbang kepada kemerosotan / penggunaannya yang tidak mampan; • Tentukan cara untuk mengubah ruang ke dalam 'ruang hijau' atau aktiviti ke dalam amalan hijau; • Membangunkan pelan kelestarian di mana tujuan baru ruang tersebut dan langkah-langkah untuk melaksanakan pelan tersebut dinyatakan dengan jelas kepada pihak yang berkepentingan; • Menggunakan bahan dan perkhidmatan yang membantu mengekalkan ruang ini dan memastikannya bersih (cth. tong sampah, pemisah sampah, perubahan dalam pengumpulan sampah dan pelupusan); • Membangunkan skim pengawasan dan penilaian untuk mengukur penambahbaikan.

PENGIJAUAN KURIKULUM DAN LATIHAN

Pencapaian dan hasil yang diinginkan	Cara-cara mencapai matlamat
<p><i>Contoh</i></p> <p>Tumpuan terhadap kurikulum-lintas hijau ditangani melalui kajian topik di semua subjek dan peringkat, dan melalui kursus pengajian yang bersepadu.</p>	<p><i>Contoh</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menawarkan mata pelajaran umum yang memberikan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan hijau; • Mengenal pasti bidang pekerjaan atau sektor kemahiran yang mempunyai permintaan yang lebih tinggi untuk kemahiran hijau; permintaan ini mesti dikenal pasti melalui pengumpulan dan analisis data yang sistematik; • Mengenal pasti pekerjaan yang kekurangan dari aspek persekitaran atau kemahiran khusus-pekerjaan untuk menjadikan pekerjaan itu lebih mesra alam; • Jika institusi itu ada autonomi untuk membangunkan kursus dan anugerah kelayakan, institusi perlu menentukan industri atau perusahaan yang boleh bekerja sama dalam membangunkan kursus jangka pendek atau mengkaji semula kursus yang sedia ada untuk meningkatkan komponen kemahiran hijau mereka; • Jika institusi dikawalselia, dapatkan perkhidmatan daripada pihak berkuasa atau badan yang bertanggungjawab untuk menyemak piawaian latihan atau membangunkan kurikulum latihan; • Membangunkan skim pengawasan dan penilaian untuk mengukur kemajuan institusi.

Kandungan dan penyampaian kurikulum adalah sejajar dengan keperluan masyarakat.

- Laksanakan analisa situasi (situation analysis) ke atas keperluan kelestarian berdasarkan amalan sedia ada dan visi kelestarian komuniti;
- Libatkan kumpulan berasaskan komuniti dalam mengesahkan penemuan analisa dan mengumpulkan input untuk merancang intervensi;
- Kenal pasti rakan kongsi dan menggerakkan sumber;
- Kenal pasti intervensi khusus TVET bagi kumpulan sasaran, dan rancang kursus;
- Kendalikan kursus jangka pendek;
- Membangunkan skim pemantauan dan penilaian untuk mengukur penambahbaikan.

PENGIJAUAN PENYELIDIKAN

Pencapaian dan hasil yang diinginkan

Cara-cara mencapai matlamat

Contoh

Penghijauan agenda penyelidikan menjadi komponen integral dalam budaya institusi.

Contoh

- Galakkan aktiviti berasaskan penyelidikan merentasi pelbagai disiplin;
- Kenal pasti inisiatif penyelidikan yang menambah baik pedagogi kelas atau kaedah didaktik, galakkan pembelajaran berasaskan projek dan bangunkan kemahiran untuk kelestarian (sebagai contoh, bagaimana untuk mengubah bahan-bahan tempatan yang berlainan menjadi projek penghidupan yang bermakna, menyasat amalan yang sedia ada dalam pelupusan sisa dalam perusahaan kecil dan menyelesaikannya bersama);
- Libatkan guru dan pelajar dalam pelbagai aktiviti;
- Wujudkan insentif;
- Terbitkan hasil dan galakkan lebih banyak aktiviti yang serupa;
- Bangunkan skim pengawasan dan penilaian untuk mengukur pencapaian keseluruhan.

Institusi ini membangunkan alat untuk mengumpulkan data yang berguna untuk reformasi sistemik.

- Kenal pasti bidang dan tumpuan yang boleh diteliti (contohnya, bidang di mana juga masalah kelestarian serta keperluan kemahiran hijau boleh dikaji untuk membimbing pembangunan kurikulum dan latihan);
- Bangunkan metodologi untuk menjalankan penyelidikan dan penggunaan hasil penyelidikan;
- Libatkan pasukan penyelidikan teras, dan mengenal pasti keperluan untuk kepakaran luaran;
- Sebarkan penemuan merentasi pasukan yang berkaitan atau di seluruh institusi untuk menggerakkan tindakan;
- Bangunkan skim pengawasan dan penilaian untuk mengukur pencapaian keseluruhan.

PENGIJAUAN KOMUNITI DAN TEMPAT KERJA

Pencapaian dan hasil yang diinginkan	Cara-cara mencapai matlamat
<p><i>Contoh</i></p> <p>Penghijauan komuniti dan tempat kerja dibangunkan melalui kerjasama antara institusi dengan komuniti atau dengan perniagaan yang berpotensi menjadi majikan.</p>	<p><i>Contoh</i></p> <ul style="list-style-type: none">• Kenal pasti rakan kongsi yang berpotensi serta mempunyai matlamat yang sama;• Wujudkan perkongsian yang disasarkan dengan perusahaan tempatan atau entiti perniagaan;• Kenal pasti program perkongsian dengan rakan-rakan baru yang menggalakkan konsep kelestarian di tempat kerja;• Tetapkan agenda bersama untuk penghijauan tempat kerja;• Laksanakan program latihan praktikal, pengalaman terdahulu atau sukarelawan sebagai sebahagian daripada agenda bersama ini;• Bangunkan skim pemantauan dan penilaian untuk mengukur impak atau kemajuan dalam tempat kerja.

PENGIJAUAN BUDAYA INSTITUSI

Pencapaian dan hasil yang diinginkan	Cara-cara mencapai matlamat
<p><i>Contoh</i></p> <p>Strategi penilaian mengukur kemajuan pelaksanaan sistemik inisiatif IGP.</p>	<p><i>Contoh</i></p> <ul style="list-style-type: none">• Gabungkan kemajuan yang dicapai melalui beberapa pencapaian kecil di banyak bidang untuk melaksanakan pelan tersebut;• Ukur impak setiap aktiviti atau intervensi dan wujudkan mekanisme untuk memberi ganjaran terhadap pencapaian;• Sebarkan maklumat dan dapatkan maklum balas;• Tentukan pencapaian baru dengan mengambil kira pengajaran yang diperolehi daripada pelaksanaan dan maklum balas.

Bahagian Lampiran menyediakan lebih banyak maklumat tentang kemungkinan pencapaian dan hasil yang boleh ditetapkan untuk setiap pendekatan yang akan digunakan.

KOTAK 14

PELAKSANAAN STRATEGI PENGHIJAUAN DI KOLEJ FLEMING, CANADA

Kolej Fleming terkenal sebagai sebuah institusi pembelajaran bertaraf dunia yang terletak di Ontario, Kanada. Dengan kira-kira 6,000 pelajar sepenuh masa, kolej ini menyediakan pengalaman praktikal dalam semua bidang kelestarian. Semangat kelestarian ini tercermin dalam hasil pembelajaran kelestarian kolej, iaitu kini, ia merupakan sebahagian daripada syarat kursus yang merangkumi 87 peratus daripada program diploma (dengan tujuan bahawa 100 peratus daripada semua program diploma memasukkan hasil pembelajaran ini). Kemapanan membabitkan program tradisional berorientasikan alam persekitaran, seperti pengurusan ekosistem, pemulihan ekologi, perhutanan bandar dan pertanian mampan. Pada hari yang tertentu, anda akan mendapati pelajar-pelajar bekerja di rumah hijau kolej; menanam pokok untuk penanaman semula hutan, di ladang mempelajari tentang sistem makanan yang mampan, atau di Pusat Rawatan Air Sisa Alternatif, yang mempunyai tanah ladang yang dibina di tapak untuk rawatan air kumbahan.

Walau bagaimanapun, ESD di kolej tidak berhenti di situ. Selain menghijaukan kampus dan kemudahannya, kolej itu telah beralih ke penghijauan programnya pula. Kolej ini mempunyai Program Rekabentuk dan Pembinaan Bangunan Mampan yang khusus di mana, setiap tahun, pelajar merancang dan membina bangunan yang mampan dalam komuniti. Program Perdagangan Mahir kolej ini mengintegrasikan amalan mampan ke semua bidang pengkhususan dan reka bentuk arus perdana. Di Sekolah Perniagaan Fleming, setiap pelajar mesti mengambil kursus tanggungjawab sosial korporat dan belajar cara menerapkan prinsip-prinsip kemapanan menerusi projek-projek aplikasi yang menangani isu-isu kelestarian dunia sebenar. Program baru Fleming 'Memasak dengan Hati Nurani' memberi tumpuan kepada makanan tempatan dan makanan yang bersumberkan mampan dan makan untuk kesejahteraan, di mana pelajar mempelajari kitaran hayat penuh makanan sebagai sebahagian daripada amalan mereka. Program Pendidikan Awal Kanak-kanak Fleming memberi tumpuan kepada kesihatan dan alam sekitar kanak-kanak dan kepentingan pendidikan alam semula jadi, bermain luaran dan menggunakan bahan semula jadi. Pelajar mesti menerangkan hubungan di antara manusia dan kesihatan ekologi dan kesejahteraan, isu sosial dan kehidupan yang selamat. Fakulti menggunakan sumber ESD UNESCO untuk membantu pelajar memenuhi syarat. Ini bermakna bahawa majoriti pelajar akan meninggalkan kolej bukan sahaja dengan pemahaman tentang kelestarian, tetapi dengan pengalaman praktik yang menerapkan prinsip-prinsip kelestarian untuk bidang amalan mereka.

Fleming adalah elemen penting dalam pelan keseluruhan komuniti kelestarian wilayah. Kolej ini mempunyai kerusi pada beberapa jawatankuasa perancangan dan lembaga kesihatan, manakala fakulti dan pelajar bekerja rapat dengan komuniti NGO untuk membina wilayah yang lebih mampan. Kedua-dua sektor awam dan swasta menasihati kolej mengenai kemahiran kelestarian lepasan mereka, dan fakulti dan pentadbiran bekerja dalam sinergi untuk menyesuaikan kurikulum bagi memenuhi keperluan wilayah yang sedang berkembang. Kemapanan adalah nilai teras dalam Kolej Fleming, dan bahagian yang penting dalam misinya.

Sumber: Fleming College (2016)

Tidak semua institusi mempunyai kepentingan mutlak dan sumber untuk menjalankan langkah-langkah konkrit bagi mendapatkan maklumat mengenai spektrum perubahan dalam kemahiran sesuatu sektor. Sering kali mereka berhadapan dengan kekurangan sumber untuk menjalankan aktiviti dalam rangkuman mandat yang diberi. Halangan ini wujud tetapi tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak bertindak. Kekurangan wujud; begitu juga peluang-peluang yang tidak diterokai. Jalinkan hubungan dan perkongsian dengan mana-mana inisiatif kerajaan yang memegang mandat menyokong pembekal pendidikan dan latihan. Ini akan meyelamatkan institusi daripada melalui proses dan sumber yang boleh berakhir dengan

kekecewaan, sekira adanya kekurangan sumber dan kepakaran dalam institusi tersebut. Implementasi strategi dalam institusi adalah berdasarkan maklumat yang mantap dan keutamaan dalam sektor atau bidang kemahiran.

Institusi boleh meneroka bagaimana untuk menjadi sebahagian daripada proses besar atau menggunakan keputusan data dan maklumat yang telah dianalisis untuk memberi Panduan kepada proses implementasi penghijauan institusi. Contohnya, perancangan strategi institusi dalam isu kemahiran dan keperluan latihan.

KOTAK 15

METODOLOGI BAGI PEMETAAN PERMINTAAN KEMAHIRAN HIJAU DALAM INDUSTRI CAT DI AFRIKA SELATAN

Jabatan Sektor Pendidikan dan Latin Industri Kimia Afrika Selatan atau South Africa's Chemical Industries Sector Education and Training Authority (CHIETA) memperkuat sistem perancangan kemahiran hijau dengan berpandukan metodologi yang membantu mengenal pasti keutamaan dan permintaan kemahiran hijau dalam industri cat. Kajian ini memberi satu set menyeluruh atau komprehensif mengenai profil kemahiran hijau berkaitan industri cat; dapatan daripada proses penilaian yang ketat, analisa dan latihan pemetaan.



Sumber: Jenkin et al. (2016)

3.2 PENGGABUNGAN DAN PENERAPAN DALAM SISTEM TERAS

Sejurus program dilaksanakan, gabung dan bina berdasarkan manfaat yang diperolehi. Gunakan kredibiliti yang tercatat untuk mengubah lebih banyak sistem, struktur dan polisi lain yang mana pekerja merasakan ia tidak berkaitan dengan visi keseluruhan. Terapkan IGP dalam sistem utama, seperti sumber manusia. Lantik, naikan pangkat dan tambahkan kemahiran warga kerja yang berupaya melaksanakan visi. Kekalkan momentum dengan projek-projek, dan tema baru dan ajen perubahan.

3.3 PENERAHAN SUMBER-SUMBER

Pengerahan sumber adalah langkah penting yang ditelitikan oleh orang ramai. Penjimatan tenaga, air dan pengurusan pepejal adalah tumpuan utama di kebanyakan projek. Penjimatan boleh diperolehi daripada banyak aktiviti kecil yang dijalankan di seluruh kampus, dan berkemungkinan boleh dilaburkan semula. Selalunya, pelaburan berskala besar seperti dandang dan penebatan, tidak diendahkan oleh orang ramai, meskipun ianya boleh mengurangkan kos operasi secara besar-besaran. Perancangan di tahap kampus perlu menerangkan mengapa keputusan sebegini diambil dalam konteks IGP, dan pembekalan penghargaan kepada semua yang terlibat.

Pengerahan sumber manusia juga satu kriteria penting dalam strategi. Adalah penting untuk memilih ahli akademik atau fakulti yang berupaya membawa mesej kepada yang lain, memimpin dan melatih ahli fakulti yang lain dan mengkoordinasi perancangan.

3.4 MENGINSTITUSIKAN PERUBAHAN DAN MERAIKANNYA

Kenal pasti hubung kait di antara gelagat baru dan kejayaan organisasi, dan berikhtiar untuk mencapai kesinambungan pembangunan kepimpinan dan perwarisan. Di dalam kebanyakan kes, tercetus pembelajaran baru dan perkembangan profesional. Sudah semestinya perlu ada satu kaedah untuk mengiktiraf dan memperbaiki proses pembelajaran ini secara berterusan.

Kaedah keseluruhan-institusi ini memerlukan proses yang kekal dan berterusan, untuk memudahkan modifikasi perancangan institusi. Penguasaan pembelajaran dan penglibatan pekerja di dalam proses modifikasi adalah penting untuk mengekalkan momentum. Penghargaan dan ganjaran juga elemen penting bagi mengekalkan program ini. Terdapat kebarangkalian yang tinggi untuk penjimatan kewangan dengan pelaksanaan IGP, seperti penjimatan yang berkaitan dengan tenaga, air dan inisiatif pelupusan sisa pepejal. Adalah penting untuk membangunkan polisi yang telus bagi mengenal pasti cara peruntukan tambahan akan digunakan. Ini akan menjadi sebahagian daripada strategi komunikasi dalam pemantauan dan penilaian.

PELAKSANAAN IDEA

1

PENGIJAUAN KAMPUS



Penghijauan Politeknik di Australia

Politeknik Melbourne Kampus Epping (Melbourne Polytechnic's Epping Campus) merupakan pusat kepada perletakan batu asas buat Pusat Kecemerlangan Kemahiran Hijau (Green Skills Centre of Excellence). Dari 2010-2011, politeknik, (dulu, Northern Melbourne Institute of TAFE) membina bangunan yang canggih ini untuk menyokong latihan dan penyampaian ilmu dan pembangunan kemahiran dalam bidang amalan kemampuhan. Bangunan ini merangkumi kelestarian persekitaran dari segi binaan dan reka bentuk; bukan hanya menyumbang secara berkesan dari segi tenaga efisien dan pengurusan sumber, malah, ia juga digunakan sebagai model latihan yang unggul untuk program pendidikan. Penggunaan teknologi lestari rendah-karbon akan menawarkan pembangunan kemahiran dan peluang pembelajaran secara praktikal merentasi pelbagai sektor industri, termasuk pengeluaran, pembinaan, latihan, peruncitan, pemasangan, pembaikan dan penyenggaraan. Pusat Kememerlangan Kemahiran Hijau ini telah mencapai penarafan lima bintang daripada Majlis Pembinaan Hijau Australia (Green Building Council of Australia's GreenStar) 'Penilaian 'GreenStar' yang menggambarkan satu peringkat 'Kecemerlangan Australia' di bidang reka bentuk fasiliti atau kelengkapan pendidikan.

Sumber: North Melbourne Institute of TAFE (n.d.), SkillsOne (2016)

2

PENGIJAUAN KURIKULUM DAN LATIHAN



Mengintegrasikan kemahiran hijau dalam latihan di Filipina

Agensi Pembangunan dalam Pendidikan Teknikal dan Kemahiran atau TESDA (the Technical Education and Skills Development Agency), merupakan agensi yang diberi mandat untuk melatih dan mengiktiraf kelayakan pekerja berkemahiran di Filipina, termasuk kemahiran hijau di dalam kebanyakan kursus latihan yang ditawarkan, termasuk, pertanian (vermiculture, vermicasting and pengeluaran pertanian organik),

pembinaan pemasangan system fotovoltan, reka bentuk dan perkhidmatan, pengurusan sisa pepejal (penyelia lapangan) pengawal dan kutipan sampah), penyejukan dan penyaman udara, dan automotif (termasuk penyingkiran CFC, pemulihan, kitar semula, pengubahan, 'retrofitting' dan 'repowering'). Dengan demikian, kemahiran hijau telah terangkum di dalam peraturan dan pengawalan kebanyakan latihan. Usaha ini telah dirangsang oleh amalan hijau dalam syarikat Filipina, dan kini ditarkrifkan semula dalam pelbagai pekerjaan warga kerja yang menerima kelayakan formal.

Sumber: UNESCO-UNEVOC (2015b)

Penghijauan pendidikan guru di Nigeria

Jabatan Pendidikan Guru Vokasional dari Pusat Teknikal dan Pendidikan Vokasional (The Department of Vocational Teacher Education of the Centre for Technical and Vocational Education, Training and Research (CETVETAR) telah mengulas dan menyemak kurikulum pendidikan guru. Kini ia merangkumi dua kursus wajib bersemuka (face-to-face) di peringkat ijazah tertinggi (postgraduate): Teknologi Hijau dan Pembangunan Kemahiran (Green Technology and Skills Development), dan Isu-isu yang Berbangkit dan Inovasi dalam Pendidikan Teknologi (Emerging Issues and Innovations in Technology Education), yang mana telah disemai dengan isu-isu ekonomi hijau. Lanya merupakan sebahagian daripada intervensi dalam program akademik tersebut. Aktiviti jangkauan atau 'Outreach' CETVETAR untuk pendidik TVET meliputi siri penghijauan bengkel TVET dengan sasaran menganjurkan dan berkongsi pengalaman mengenai kaedah-kaedah terbaik untuk menyemai konsep dan idea yang berbangkit dalam kurikulum institusi dan Jabatan TVET. Intervensi seterusnya, adalah inisiatif meningkatkan daya usaha pendidik TVET bertindakbalas terhadap keperluan latihan kemahiran hijau yang berdasarkan latihan penyelidikan.

Sumber: CETVETAR (2015)

Penghijauan teknologi seni pertukangan kayu di Fiji

Sebuah sekolah vokasional di luar bandar Fiji telah menjalinkan usaha sama dengan sebuah syarikat kayu balak dengan tujuan memperbaiki dan mengaplikasi prinsip pembangunan lestari terhadap program teknologi seni pertukangan kayu. Program ini mendidik pelajar bagaimana untuk 'menambah baik' nilai bahan-bahan buangan kayu dari kilang papan. Pelajar-pelajar telah mereka bentuk lamp stands, hiasan, patung-patung dan sebagainya daripada sisa kayu, yang kemudiannya dijual. Selain daripada pengajaran kemahiran secara amali dan aplikasi dalam orientasi berfokuskan pelajar, program ini juga meliputi komponen keusahawanan di mana wang dapat dijanakan untuk sekolah dan kelestariannya.

Sumber: UNESCO (2016c)

Kurikulum Reka bentuk bangunan lestari dan binaan di Kanada

Kolej Fleming (Fleming College) di Kanada menawarkan pengalaman yang intensif, praktikal (hands-on) di mana pelajar serata Kanada berupaya mempelajari mereka bentuk bangunan yang lestari dan mempamerkan teknologi binaan hijau dan teknik baru mengenai penjimatan tenaga. Pelajar berinteraksi dengan konsultan projek, inspektor dan ahli perniagaan yang berkaitan dengan segala aspek membina bangunan yang lestari. Program tersebut telah dikenal pasti sebagai kombinasi cemerlang di antara teori dan kemahiran praktikal di mana pelajar mengalami proses pembelajaran di dalam kelas dan diberi peluang untuk menimba ilmu di lapangan atau on-site. Pelajar mengalami pengalaman pertama amalan pembinaan lestari dan diberi pendedahan mengenai tenaga yang boleh diperbaharui atau renewable energies, dan diberi kebebasan untuk berfikir luar dari diri mereka sendiri serta bertindak sebagai pemimpin dalam proses keseluruhannya.

Sumber: Fleming College (2016)

Latihan Penghijauan di Jerman

Peraturan latihan yang telah disemak semula di Jerman memberi ruang kepada penyerapan kursus persekitaran ke dalam latihan yang sedia ada. Tugasan yang kompleks dan permintaan kemahiran di dalam pengurusan sisa pepejal memerlukan latihan yang menjurus kepada kelayakan pengkhususan. Latihan asal yang dipanggil 'Pemberi dan Pelupus' (Provider and Disposer) telah disemak dan diperluaskan untuk menghasilkan kursus-kursus dalam empat bidang teknikal-persekitaran iaitu: Juruteknik Kitar semula dan Pengurusan Sisa Pepejal; Juruteknik Kejuruteraan Bekalan Air/Water; Juruteknik Kejuruteraan Kumbahan; and Juruteknik Paip, Pembentung dan Perkhidmatan Industri.

Source: Stock and Vogler-Ludwig (2010)

Latihan Penghijauan untuk industri kimia di Jerman

Di bawah sebuah projek iaitu Kerjaya Pendidikan Lestari dalam Industri Kimia (NaBiKa), Akademi Rhein Erft memulakan aktiviti 'Sepanjang hari- 24 jam bagi membantu lima puluh pelatih daripada pelbagai bidang vokasional untuk bekerja dengan projek antara-disiplin dalam tiga syif sepanjang minggu. Pelatih juruteknik kimia dan mekanik industri, sebagai contoh, telah diberi latihan di dalam topik kelestarian dan melibatkan diri dalam kerja berpasukan. Ini melibatkan pengaturan kerja yang merentasi bidang kerja setiap individu dan interaksi serta komunikasi di antara satu sama lain, melatih mereka tanggungjawab secara kolektif di dalam bidang industri kimia, keselamatan dan kesihatan. Pelatih-pelatih mempelajari kemahiran kepakaran dan berpeluang untuk membina keupayaan sendiri, melalui protokol lestari berpiawai yang telah dibangunkan bagi memberi panduan, dan melalui

beberapa tugas melibatkan komunikasi berpasukan koordinasi dan syif/jadual kerja. Juruteknik yang telah dilatih sebagai pakar di dalam kelestarian kemudiannya kembali ke syarikat masing-masing bagi menyemarakkan kelestarian di tempat kerja mereka.

Sumber: Germany (2016)

Penhijauan latihan di Eropah melalui projek GT-VET

Pembangunan modul latihan kelestarian merupakan fokus projek di Eropah yang melibatkan industri besi dan keluli di empat buah negara : Jerman, Itali, Poland and United Kingdom. Projek ini adalah untuk membangunkan modul latihan penghijauan Eropah yang akan memenuhi permintaan kemahiran persekitaran, kesihatan dan keselamatan di dalam aliran TVET khususnya industri besi dan keluli, yang berpotensi untuk diserapkan kepada sektor industri dan pekerjaan yang lain. Ia juga berperanan sebagai 'blueprint' untuk negara-negara yang berminat dalam mempelajari hasil pembelajaran yang sama dalam bidang kemahiran hijau dan kesedaran lestari, melengkap program TVET terkini. Modul ini akan diuji di empat syarikat besi dan keluli; (ThyssenKruppSteel Europe, ArcelorMittal Poland, Tata Steel UK, dan ThyssenKrupp Acciai Speciali Terni) dan institusi TVET di empat negara tersebut.

Sumber: UNESCO-UNEVO (2013)

Latihan penghijauan dan pensijilan untuk warga kerja berkemahiran di Austria

Institut Teknologi Austria telah membangunkan kursus latihan yang spesifik dan skema pensijilan untuk pemasangan dan perancang pam haba semenjak 2005 dan untuk pemasangan dan perancang 'solar thermal' dan pemasangan fotovolta sejak 2010. Latihan untuk menjadi Pemasang dan Perancang 'Solar Heating' yang diiktiraf dan kursus padat 'Solar Heating Practitioner' akan menyediakan pelatih dengan teori dan kepakaran amali untuk memenuhi permintaan perancangan, pemasangan dan kelengkapan system solar thermal yang berkualiti tinggi. Kursus-kursus ini menyasarkan tukang pasang paip, jurugegas, jurutera perancang, tukang atap, arkitek, firma kejuruteraan, syarikat pemanasan, pengudaraan dan pendingin hawa (HVAC) dan peruncit.

Sumber: OECD and CEDEFOP (2014)

3



PENHIJAUAN PENYELIDIKAN

Projek kajian kolej di Nigeria

Projek Air Hyacinth telah dimulakan pada 2012 oleh Projek kajian kolej di Nigeria Kolej Teknologi Yaba/YTC sebagai satu inisiatif projek sisa atau waste-to-wealth yang menggabungkan kajian dan penyelidikan dengan latihan kemahiran untuk menyelesaikan isu berkenaan parit atau terusan yang

tersumbat disebabkan kelimpahan berlebihan tumbuh-tumbuhan di Nigeria. Pelajar-pelajar Kolej Teknologi Yaba / YTC mengubah tumbuhan lembayung menjadi sumber pendapatan dengan membuat kajian dan mentransformasikan lembayung menjadi produk lain. Program ini melatih pelajar bagaimana membuat pelbagai hasil kraftangan yang mesra-persekitaran, biogas dan makanan haiwan daripada tumbuh-tumbuhan. Pelajar-pelajar diajar untuk menuai tanaman, mengeringkannya dan menganyam menjadi produk untuk dijual. Projek kajian dijalankan untuk keupayaan bio-pemuliharaan tumbuhan, pembinaan mesin pengering dan sebagainya.

Sumber: Yaba College (n.d.)

Kajian Gunaan di Kolej Komuniti New Brunswick, Kanada

Kolej ini meletakkan visi untuk kajian membina budaya yang menyokong kajian gunaan yang menyumbang kepada pengalaman pembelajaran. Ini secara tidak langsung memberi manfaat kepada pelajar dan fakultinya dalam merangka dan membina kursus baru, dan dalam pengembangan bidang kepakaran yang juga memberi manfaat kepada kolej secara jangka panjang dengan menghubungkan kolej dengan peluang kajian gunaan dan pembangunan selanjutnya, dari segi kepakaran kolej atau daerah. Dengan menggalakkan penyelidikan gunaan untuk menyelesaikan masalah tempatan, kolej juga mengenal pasti peluang berkhidmat untuk komuniti dari segi sosio-ekonomi.

Sumber: CICan (2016)

4

PENHIJAUAN KOMUNITI DAN TEMPAT KERJA



Penhijauan pembinaan melalui latihan penghijauan pertukangan batu di Filipina

Pusat Latihan Penghijauan Pertukangan Batu merupakan asas perlaksanaan kurikulum Penghijauan Pertukangan Batu dalam Latihan Sijil Kebangsaan- Pertukangan Batu II. Ia menyasarkan pekerja pembinaan dalam bidang informal, dan membina program latihan dalam peringkat sijil. Program ini mengintegrasikan konsep penghijauan pertukangan batu ke dalam Latihan Pertukangan Batu NCII. Latihan ini membina kecekapan yang membolehkan pelatih melakukan tugas-tugas asas (NC I) dan, juga meletakkan batu-bata untuk membina struktur, memplaster bangunan konkrit/ permukaan konkrit, dan memasang birai pratuang dan susur tangan. Dengan mengintegrasikan konsep penghijauan pertukangan batu, pelajar akan menghargai perubahan iklim sebagai individu, sosial dan isu pembinaan, memahami kesan-kesan perubahan iklim secara langsung dan tidak langsung, mengenal pasti konsep penghijauan pembinaan dan mencerap kepentingan amalan berbeza terhadap

penghijauan pertukangan batu. Dalam masa yang sama, ia akan menjurus kepada kefahaman keperluan pengenalanpastian yang wajar mengenai bahan-bahan pembinaan bagi melindungi dan melestarikan persekitaran, dan membantu pelajar membezakan di antara sumber yang boleh diperbaharui dan sumber yang tidak boleh diperbaharui, keberkesanan sumber dan pengurusan sisa pepejal, dan menerima amalan yang menyokong penghijauan di tempat kerja. Program latihan ini merangkumi konsep penghijauan pertukangan batu, latihan sebenar NC II, aplikasi sebenar, piawai buruh atau pekerja, dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pengurusan sisa pepejal. Latihan ini merupakan program kerjasama di antara TESDA, Jabatan Buruh, Majlis Penghijauan Pembinaan dan syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan pembinaan.

Sumber: ILO (2012)

Program latihan amali teknologi bersih CICan

Kolej dan Institut Kanada (CICan), dengan kerjasama Jabatan Persekitaran dan Perubahan Cuaca Kanada, menggalakkan graduan di peringkat sekolah menengah dalam bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan and matematik) melalui latihan amali. Perkongsian usahasama dibentuk oleh majikan, yang juga menerima insentif dalam bentuk subsidi tempat kerja. Melalui subsidi tempat kerja, program ini memberi peluang pelatih untuk bekerja dengan majikan yang berinisiatif memperbaiki persekitaran dan hasil ekonomi di Kanada.

Sumber: CICan (2016)

Latihan Penghijauan (perantisan) di United Kingdom

Di United Kingdom, golongan muda yang tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, tidak bekerja dan tidak di dalam mana-mana latihan, digalakkan menyertai skim latihan seperti latihan asas (pra-perantisan) peluang dalam bidang hortikultur iaitu Peringkat 1 NVQ dan lanjutan ke arah program jangka panjang perantisan sehingga ke peringkat ke 3 NVQ. Inisiatif ini telah dikelolakan oleh kerajaan tempatan dengan syarikat-syarikat rakan kongsi untuk melatih generasi baru mengenai kemahiran menanam tanaman mengekalkan ruang hijau. Glendale Liverpool mengekalkan 10 juta m² ruang hijau termasuk ruang terbuka rekreasi dan enam puluh buah taman, dan memberi peluang pekerjaan kepada perantis yang mempunyai pengalaman dan kemahiran pekerjaan spesifik. Inisiatif ini adalah contoh perintis kepada jalinan usahasama di antara kerajaan tempatan, Glendale Liverpool and Kolej Myerscough.

Sumber: Glendale Services (n.d.)

5

PENGIJAUAN BUDAYA INSTITUSI



Penghijauan budaya institusi dirangkum dalam berbagai inisiatif di Kanada dan disokong oleh CICan, dan juga oleh Pertubuhan berdasarkan Amerika Syarikat untuk Pemajuan Kelestarian dalam Pendidikan Tinggi (US-based Association for the Advancement of Sustainability in Higher Education). Berbagai peringkat aktiviti telah dilaksanakan di kolej-kolej di Kanada menggunakan satu atau banyak kaedah menuju kelestarian. Ini termasuk kemahiran menyemai kelestarian merentasi kurikulum, pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah berdasarkan tempat, pembelajaran perkhidmatan dan kajian gunaan. Pembangunan kemahiran penghijauan merupakan aktiviti asas di institusi di Kanada melalui program modifikasi dan hasil pembelajaran untuk menjadi lebih hijau, pembentukan perkongsian dengan industri, termasuk pembangunan bersama piawai akademik, peralihan strategik ke dalam rekabentuk program, pengajaran dan penilaian pembelajaran. Aktiviti berorientasikan kajian dilaksanakan, termasuk pembangunan kurikulum berdasarkan kajian dan peningkatan penglibatan pelajar dalam kajian gunaan. Pergerakan tidak akademik terlibat dalam penghijauan kampus melalui penanaman konsep kelestarian dalam visi, misi, dan perancangan strategik dan operasi serta polisi kolej. Penglibatan pelajar dan komuniti berasaskan model amalan kelestarian untuk mengubah institusi menjadi 'makmal hidup' dari segi pembelajaran kelestarian, dan operasi penghijauan kampus (termasuk: bangunan, pengangkutan, landskap, perkhidmatan makanan, residensi pelajar dan pemuliharaan sumber,) merupakan aspek penting dalam penghijauan. Walaupun, inisiatif sebegini tidak diselaraskan atau menjadi aktiviti seluruh kampus, namun ianya bertindak membentuk kontinum ke arah kelestarian.

Sources: CICan (2016), Knibb and Paci (2016)

IDEA PROJEK YANG BAGUS UNTUK DITEROKA DALAM KELAS

Industri makanan:

- Pembiran bir daripada sisa makanan
<https://www.ellenmacarthurfoundation.org/case-studies/brewing-beer-from-surplus-bread>
- Minyak masak kitar semula untuk industri biofuel
<https://www.ellenmacarthurfoundation.org/case-studies/unlocking-value-from-used-cooking-oils>
- Memperkenalkan kaedah-kaedah baru dan kitar semula sebagai gantian bagi bahan plastik
http://www.threec.eu/wp-content/uploads/2016/10/Porto_presentation-Cork-project-1.pdf

Infrastruktur dan pembinaan:

- Kitar semula tayar untuk mengurangkan bunyi gaungan trafik
<http://ec.europa.eu/environment/eco-innovation/projects/en/projects/ruconbar>

Industri penternakan:


- Kitar semula alatan penternakan ikan untuk mengurangkan sisa plastik
<http://ec.europa.eu/environment/eco-innovation/projects/en/projects/eufi>
- Kelestarian akuakultur
<http://www.zerowastescotland.org.uk/sites/default/files/2870%20ZWS%20Bio%20Econo-my%20Loch%20Fyne%20Case%20Study%20AW%20FINAL%20HI%20RES.pdf>

Industri fesyen

- Pendidikan dalam fesyen yang lestari
<http://www.threec.eu/wp-content/uploads/2016/10/PortoCircularfashion.pdf>

LANGKAH 4:

Pemantauan Kemajuan dan Penilaian Hasil



Komponen penting dalam penghijauan sesuatu institusi adalah bimbingan untuk menangani perubahan berterusan melalui pemantauan dan penilaian (M&A). Menilai kemajuan sebenar dalam setiap lima pendekatan ke arah kelestarian bagi institusi TVET, membantu dalam pemantauan tahap kemajuan berdasarkan satu set jangkaan dan petunjuk pencapaian yang telah ditetapkan dalam IGP. Set Jangkaan ditetapkan dalam IGP, diterangkan dalam Garis Panduan pelaksanaan dan dipantau menggunakan kriteria dan petunjuk penilaian yang jelas.

Kemajuan dalam penghijauan TVET boleh dinilai melalui penilaian kualitatif dan kuantitatif. Lebih mudah untuk mengukur sesetengah aspek seperti bilangan kursus dan pelajar yang terlibat dalam pengukuran kuantitatif, tetapi aspek penting yang lain tidak begitu mudah untuk diukur, dan mesti dinilai secara kualitatif. Adalah penting untuk menetapkan sasaran, tetapi sasaran bukan hanya harus diukur secara objektif. Gambaran awal mengenai pemantauan kemajuan boleh menggunakan Carta Gantt, yang menunjukkan rangka masa keputusan yang dicapai atau perancangan. Versi yang lebih terperinci, boleh digunakan untuk pelbagai bahagian atau jabatan. Seterusnya, faedah (kuantitatif dan kualitatif) hendaklah dinilai disamping kos dan simpanan.

Alatan untuk menilai dan memantau sesuatu kemajuan boleh memberi sokongan yang berguna. Alatan ini boleh diubahsuai untuk menepati tahap kemajuan yang dikehendaki serta boleh memantau dan merancang hasil yang ingin dicapai.

Pelbagai pendekatan ke arah kelestarian seperti yang telah dibincangkan dalam Buku Panduan ini, boleh diukur dan dinilai berdasarkan kepada set hasil yang berbeza. Bentuk hasil boleh jadi satu perubahan atau atribut tertentu sepertimana yang diidamkan oleh sesebuah institusi yang berusaha untuk mencapainya langkah demi langkah. Model empat-peringkat diperkenalkan dalam Buku Panduan ini untuk mengukur hasil pada pelbagai peringkat.

4.1 PENYEBAB PENUBUHAN PEMANTAUAN

Menggunakan alat pembelajaran/penilaian

Pendekatan yang teliti untuk 'Pemantauan dan Penilaian' (M&A) diperlukan dalam usaha melantik kakitangan fakulti dan fasiliti/operasi dengan cara yang konstruktif. Perlu ada, sasaran dan objektif yang munasabah, serta penyebab yang kukuh untuk pendekatan yang dipilih. Rangka kerja sebegini boleh merubah alat pengukuran kepada alat bantuan pembelajaran yang indah yang mampu meningkatkan pengetahuan dan minat pelajar. Beberapa contoh format ini boleh didapati di bahagian lampiran. Sesebuah sasaran boleh dicapai melalui pelaburan teknologi, manakala yang lain hanya akan dicapai dengan komitmen menyeluruh dari semua yang terlibat dengan institusi, termasuk perwakilan pelajar. Pertama, kategori ini mungkin melibatkan pelaburan modal berskala besar, manakala yang kedua memerlukan perubahan dalam tingkah laku manusia. Adalah wajar untuk membangunkan rangka kerja yang telus serta rasional, yang lengkap dengan sasaran, tanggungjawab dan mekanisme maklum balas, untuk memudahcara pengukuran bagi tujuan pembetulan dan penambahbaikan. Terdapat

keperluan untuk menambah projek baru dan sumbangan dari warga kampus dan komuniti, misalnya, memperbaharui kurikulum, mempertingkatkan perkhidmatan makanan dan pengangkutan atau mengambil inisiatif sosial/ekuiti.

Pemantauan sebagai kemajuan dinamik

Proses 'Pemantauan dan Penilaian' (M&A) harus dinamik dan terbuka kepada langkah-langkah baru selaras dengan pencapaian matlamat dan sasaran. Penambahan bangunan baru atau kemasukkan pelajar serta langkah-langkah teknologi baru boleh mengubah sasaran. Dengan cara yang sama, projek dan inisiatif yang berbeza dari musim ke musim juga boleh mempengaruhi M&A.

M&A sebagai alat sendiri

Proses penghijauan banyak terhasil daripada pembelajaran individu atau dari pilihan gaya hidup peribadi. Ini melibatkan pengaturan strategi untuk menggalakkan setiap individu, jabatan atau kumpulan untuk menetapkan matlamat masing-masing. Adalah bermanfaat untuk menggunakan kaedah kumpulan pembelajaran (learning circles) dan kaedah lain untuk melibatkan fakulti dan kakitangan sokongan supaya menyumbang idea untuk memastikan pelan dinamik ini dapat dikekalkan. Menjadikan M&A sebagai satu topik perbincangan dalam prestasi dan penilaian kakitangan sokongan, juga disyorkan.

4.2 MENETAPKAN SKOP YANG PERLU DINILAI

Sepertimana perubahan kuantitatif, perubahan kualitatif juga perlu dinilai. Penilaian perlu dibuat ke atas semua perubahan termasuk perubahan yang berlaku secara mendadak atau beransur-ansuran, walaupun sekecil dan sehalus mana perubahan itu. Antara lain perubahan yang perlu diambilkira dan dinilai adalah reputasi institusi, kenaikan kualiti tawaran bagi penempatan pelajar, kebolehpasaran graduan, dan kepuasan menyeluruh pelajar dan kakitangan.

Langkah pertama yang perlu diambil adalah penetapan/penentuan aspek dalam proses penghijauan yang mudah atau sukar diukur dalam jangkamasa yang spesifik.

Menetapkan skop Pemantauan dan Penilaian (M&A) adalah sangat penting. Penjimatan yang terhasil daripada penghijauan merupakan/boleh dijadikan sumber pembiayaan yang penting bagi keseluruhan proses penghijauan itu sendiri. Langkah penjimatan yang kecil mampu/dapat/boleh menghasilkan perbezaan yang ketara. Sebagai contoh, membiarkan kipas eksos beroperasi pada waktu malam pada musim sejuk, kononnya bagi mengepam udara panas ke luar, adalah pembaziran yang boleh menyebabkan kerugian kewangan yang besar dalam tempoh setahun: langkah kecil untuk memadamkan suis eksos tersebut dapat menghasilkan penjimatan yang besar. Walaupun matlamat utama institusi adalah untuk menjaga kesejahteraan pelajar, tidak semua yang penting dari sudut pandangan/perspektif pelajar dapat/mampu dinilai dengan mudah. Namun, pemantauan kurikulum perlu ditekankan kerana pembangunan minda harus diutamakan setara dengan penghijauan kampus. Aspek penghijauan dari sudut pembangunan minda agak rumit untuk dinilai kerana hasilnya hanya ketara selepas pelajar tamat pengajian dan memasuki alam pekerjaan (Rajah 9).

RAJAH 9
PENDEKATAN PENILAIAN



Pemboleh ubah dibahagikan kepada dua paksi. Paksi mendatar bermula dari 'lebih mudah untuk diukur' kepada 'lebih sukar untuk diukur'. Paksi menegak pula bermula dengan 'matlamat penghijauan yang sedia ada' kepada 'matlamat penghijauan baru'. Kuadran 1 menunjukkan matlamat sedia ada yang sedang ini diukur, manakala kuadran 2 menunjukkan matlamat yang boleh diukur di masa depan.

Kuadran 3 menunjukkan matlamat yang sering dibicarakan tetapi jarang diukur dan dilaporkan. Kuadran 4 menunjukkan matlamat masa depan mengenai institusi dan graduannya yang perlu atau ingin diukur tetapi sebahagian besarnya tidak dapat diukur pada masa kini. Matlamat dalam kuadran 3 dan 4 sangat penting dan harus diberi penekanan dalam program institusi dan disebut dalam setiap laporan penilaian.

Sumber: Penulis

4.3 MEMBANGUNKAN RANGKA KERJA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Beberapa alat generik untuk menilai dan memantau kemajuan boleh memberi sokongan yang berguna dalam penyesuaian reka bentuk skim pemantauan dari yang mudah ke kompleks.

Rubrik pemarkahan

Satu contoh yang mudah adalah alat untuk memeta hasil yang diinginkan menurut pelbagai pendekatan kelestarian yang diutamakan dalam IGP. Rubrik pemarkahan mengenal pasti perubahan pencapaian dalam hasil yang diinginkan dan impak kemajuan yang dibuat. Penilaian ini membolehkan pembelajaran, dan pengukuran serta memudahkan institusi untuk mengambil tindakan pada masa yang tepat. Ini sejajar dengan mekanisma sendiri, yang mengukur dan menilai pencapaian matlamat individu dan institusi.

Bagi penilaian kualitatif, institusi boleh memetakan kemajuan mereka berdasarkan setiap pendekatan kelestarian yang dicadangkan, dengan meletakkannya pada peringkat yang ditakrifkan.

Sebagai contoh, suatu model empat-peringkat boleh ditakrifkan seperti berikut:

- peringkat 'permulaan': adaptasi awal dapat dikesan;
- peringkat 'kemajuan': terdapat beberapa bukti adaptasi;
- peringkat 'kemajuan yang memuaskan': terdapat bukti adaptasi yang menunjukkan hasil yang jelas;
- peringkat 'perubahan yang stabil dan berterap': terdapat bukti dan hasil yang menunjukkan impak penghijauan; menghasilkan perubahan yang stabil dan jelas.


Rajah 10 dan 11, adalah sampel templat yang boleh diguna dan dibangunkan untuk memantau dan menilai kemajuan TVET dan hasilnya.

Carta Lelabah juga boleh digunakan untuk menggambarkan perkembangan merentasi pelbagai pemboleh ubah penghijauan. Nilai boleh ditetapkan bagi setiap paksi, bermula dari pusat. Ini boleh digunakan sebagai titik permulaan untuk memeta kemajuan bagi setiap pemboleh ubah. Rajah 11, adalah contoh pemetaan kemajuan bagi setiap pendekatan kelestarian yang telah dibincangkan dalam *Panduan* ini.

RAJAH 10
TEMPLAT UNTUK PENILAIAN EMPAT-PERINGKAT

Pendekatan kelestarian	Petunjuk Kemajuan 1	Petunjuk Kemajuan 2	Petunjuk Kemajuan 3	Petunjuk Kemajuan 4
Sub-skop dan hasil sasaran bagi tindakan yang baru diperkenalkan	Perubahan baru bermula	Perubahan menunjukkan sedikit kemajuan	Perubahan menunjukkan kemajuan yang memuaskan	Perubahan telah diterapkan dan stabil

RAJAH 11
CONTOH CARTA LELABAH



Membangunkan Pelan Pengukuran & Penilaian (M&A)

Langkah seterusnya adalah mengadaptasikan pelan rangka kerja M&A yang digunakan untuk menilai inisiatif penghijauan TVET dengan memperkenalkan pendekatan kelestarian yang telah terangkan kepada institusi TVET. Tujuan keseluruhan langkah ini adalah untuk menilai tahap kemajuan sesebuah institusi dalam tindakan Pelan Penghijauan Institusi (IGP) nya, dan (menilai) hasil yang dapat diukur dan dilihat.

Proses bermula dengan pemetaan hasil yang disasarkan menurut setiap pendekatan atau bahagian, dan mengenal pasti kepelbagaian tahap pencapaian yang menggambarkan kemajuan yang ketara. Sebaik-baiknya, ini sepatutnya ditentukan semasa merumuskan IGP. Hasil yang dikehendaki boleh dinilai secara kualitatif atau kuantitatif.

Memupuk perubahan dalam semua aspek bidang kerja institusi dalam sesuatu atau semua dimensi penghijauan TVET boleh menghasilkan perubahan positif dan penambahbaikan sistem serta cara bekerja. Rangka kerja ini juga berupaya mengilhamkan pembelajaran, kerana ia menggariskan masa depan yang diinginkan.

Contoh rangka kerja M&A yang komprehensif dilampirkan sebagai rujukan. Rangka kerja ini boleh diubah suai mengikut konteks dan visi khusus institusi.

Penandaarasan

Sistem Penjejakan, Penilaian dan Penarafan Kelestarian (STARS) telah direka bentuk oleh Persatuan Kemajuan Lestari Peringkat Pengajian Tinggi atau *Association for the Advancement of Sustainability in Higher Education* (AASHE) untuk kegunaan di peringkat universiti dan kolej. Beberapa kolej yang dijadikan sebagai contoh dalam *Panduan* ini, menilai sendiri kemajuan mereka dengan menggunakan alat pemantauan STARS. George Brown College, sebagai contoh, menggunakan STARS untuk mengenal pasti bidang di mana ia mempunyai kekuatan dari segi kelestarian. Rangka kerja ini juga boleh digunakan untuk menilai dan menaraf bagi tujuan penambahbaikan. Ini adalah penting untuk mencapai matlamat kelestarian kolej secara berterusan. Mereka bentuk rangka kerja khusus untuk institusi TVET perlu diusahakan selanjutnya.

JADUAL 3

Contoh rangka kerja pemarkahan untuk menilai kemajuan penghijauan kampus

Pendekatan kelestarian	Parameter untuk menilai keputusan	Rangka kerja pemarkahan			
		Permulaan	Sedikit Kemajuan	Kemajuan yang memuaskan	Perubahan berterap dan stabil
Penhijauan Kampus: Kemudahan	Prinsip kelestarian digunakan untuk reka bentuk, pembinaan dan pembaharuan bangunan, termasuk model kewangan.	Amalan kelestarian Cuma diberi sedikit penekanan.	Amalan kelestarian sering diterapkan di kampus. Walau bagaimanapun, tiada kriteria khusus untuk pembaharuan pembangunan atau tapak bangunan baru.	Semua jabatan diarah untuk mengamal dan melapurkan amalan kelestarian di kampus. Setiap pembaharuan pembangunan atau tapak bangunan baru diarah untuk mengamal kelestarian.	Amalan kelestarian dilaporkan oleh semua jabatan. Amalan kelestarian disokong/ dibukti dengan dokumen dan pembangunan profesional.

KOTAK 16


KETERANGAN MENGENAI STARS

Sistem Penjejakan dan Penilaian Kemampuan,[™] (STARS[®]) adalah satu rangka kerja yang telus, lapor sendiri bagi kolej dan universiti untuk mengukur prestasi mampan mereka. STARS bertujuan untuk melibatkan diri dan mengenali spektrum sepenuhnya kolej dan universiti, yakni, dari kolej komuniti ke universiti penyelidikan, dan dari institusi yang baru memulakan program kemampuan mereka sehinggalah kepimpinan jangka panjang kemampuan kampus. STARS merangkumi matlamat kemampuan jangka panjang bagi institusi pencapaian tinggi dan juga sebagai pintu masuk pengiktirafan bagi institusi-institusi yang baru mengambil langkah pertama ke arah kemampuan.

STARS direka untuk:

- menyediakan rangka kerja untuk memahami kelestarian dalam semua sektor pengajian tinggi;
- mewujudkan perbandingan yang bermakna dari semasa ke semasa dan merentasi institusi menggunakan set ukuran yang dibangunkan dengan penglibatan meluas daripada komuniti kelestarian kampus antarabangsa;
- mewujudkan insentif bagi penambahbaikan berterusan kearah kelestarian;
- memudahkan perkongsian maklumat mengenai amalan dan prestasi lestari pengajian tinggi;
- membina komuniti kampus lestari yang lebih kuat dan meluas.

Sumber: Aashe (2016)



LAMPIRAN:

Rangka Penilaian dan Pemantauan Penghijauan TVET

1 PENGIJAUAN KAMPUS Hasil yang diinginkan	TAHAP PELAKSANAAN			
	PERMULAAN	SEDIKIT KEMAJUAN	KEMAJUAN YANG MEMUASKAN	PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL

1.1 KEMUDAHAN

Prinsip kelestarian digunakan untuk reka bentuk, pembinaan dan pembaharuan bangunan institusi, termasuk model kewangan yang inovatif.	Terdapat sedikit tumpuan kepada amalan kelestarian. Tapak untuk pembangunan bangunan baru atau bangunan yang dibaikpulih mempunyai prinsip-prinsip lestari yang dibincangkan sebagai satu pilihan.	Amalan kelestarian sering digunakan di tapak ini. Walau bagaimanapun, tiada kriteria khusus untuk panduan pembangunan tapak untuk bangunan baru atau bangunan yang dibaikpulih.	Semua Jabatan diminta untuk menggabungkan dan melaporkan amalan-amalan kelestarian di tapak-tapak mereka. Setiap pembaharuan atau tapak bangunan baru diminta untuk menangani prinsip-prinsip kelestarian.	Semua jabatan melaporkan amalan-amalan kelestarian. Laporan disokong dengan dokumen dan pembangunan profesional. Kakitangan dan pelajar-pelajar terlibat dalam penggalakkan amalan-amalan kelestarian. Amalan-amalan yang memberangsangkan diraikan. Semua bangunan baru atau dibaikpulih mengamalkan prinsip-prinsip kelestarian.
---	---	---	--	--

1.2 PEMBELAJARAN DALAM DAN DARI PENGIJAUAN TAPAK (KAWASAN)

Struktur institusi dan ruang luaran dilihat sebagai 'kemudahan' yang memupuk amalan kelestarian.	Pengajaran amalan kelestarian hanya berlaku di bilik darjah.	Amalan kelestarian berlaku di fasiliti pengajaran dan latihan (makmal/bengkel) yang lain. Guru/jurulatih mendorong pelajar untuk membangunkan amalan kelestarian sendiri.	Amalan kelestarian berlaku di fasiliti pengajaran dan latihan yang lain. Pelajar mewujudkan dan mengamalkan pelan kelestarian (contohnya, pembuangan sisa bengkel).	Terdapat polisi sistem dan skim pembiayaan untuk menyokong amalan kelestarian yang dibangunkan oleh pelajar untuk mengamalkan konsep kelestarian bersama komuniti setempat.
--	--	---	---	---

1. KAMPUS	PERMULAAN	SEDIKIT KEMAJUAN	KEMAJUAN YANG MEMUASKAN	PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL
-----------	-----------	------------------	-------------------------	----------------------------------

1.3 PENGHIJAUAN KAWASAN FIZIKAL

Amalan kelestarian menangani peningkatkan ruang hijau melalui pemulihan habitat dan estetika.	Ruang hijau yang sedia ada dipelihara dan dilindungi daripada kegunaan lain. Tong sampah digunakan untuk memastikan institusi bersih.	Ruang hijau diperluaskan dan diselenggara dengan teliti untuk tujuan estetika dan santai. Sampah dikategorikan.	Ruang hijau disediakan dan diselenggara bagi tujuan pendidikan, penyelidikan, riadah dan estetika. Kitar semula dan penggunaan semula sampah digalakkan.	Pelan penghijauan institusi (IGP) mempunyai polisi perlindungan habitat yang dikuatkuasakan.
---	---	---	--	--

1.4 OPERASI

Prinsip kelestarian diguna dalam semua aspek pengurusan institusi, perolehan dan penggunaan sumber.	Jarang terdapat kriteria atau keperluan khusus untuk amalan kelestarian dalam perolehan atau pengurusan institusi.	Institusi dan jabatan digalakkan untuk menerapkan dan mengamalkan prinsip kelestarian dalam perolehan, pengurusan institusi dan penggunaan sumber.	Setiap jabatan mempunyai garis panduan untuk amalan kelestarian dalam perolehan, pengurusan institusi dan penggunaan sumber.	Polisi dan kriteria untuk perolehan, pengurusan institusi dan penggunaan sumber dikuatkuasakan. Amalan kelestarian, pembangunan profesional (PD) dan sokongan fiskal disediakan.
---	--	--	--	--

1.5 PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

Prinsip kelestarian diterapkan dalam membuat keputusan berkaitan pengangkutan.	Protokol dianggap sebagai aset untuk dilaksanakan demi kelestarian.	Kecekapan diterap dan diamalkan dalam laluan pengangkutan.	Protokol tersedia untuk memastikan kecekapan berhubung laluan pengangkutan dan kenderaan jimat-bahan api.	Protokol, pengukuran dan pemantauan tersedia untuk memastikan kecekapan terhadap laluan dan kenderaan cekap bahan api.
--	---	--	---	--

1.6 AUDIT/PEMANTAUAN

Peralatan audit digunakan untuk menilai impak dan meningkatkan kecekapan amalan kelestarian.	Audit rasmi berada di peringkat perancangan.	Beberapa penyedia fasiliti mempunyai peralatan audit dan menilai kecekapan amalan mereka.	Semua penyedia fasiliti mempunyai peralatan audit dan menilai kecekapan amalan mereka.	Setiap institusi menjalankan audit tahunan dan melaporkan keputusan kepada Jabatan Pusat.
--	--	---	--	---

1.7 PERAKAUNAN KOS KESELURUHAN

Peralatan audit digunakan untuk menangani isu tempat kerja yang biasanya diukur, seperti air, sisa dan pengurusan tenaga. Ianya juga digunakan mengenal pasti kos luar jangka seperti jejak karbon dan ekologi.	Terdapat perancangan dan strategi dibuat untuk audit dan memantau perakaunan kos keseluruhan.	Acara atau kempen kesedaran mengenai tenaga, air dan pengurusan sisa diadakan secara berkala dan ini diambikira sebagai audit ujian. Mekanisme pengimbangan karbon digunakan untuk mengurangkan jejak karbon dengan cara yang menjimatkan kos.	Rekod disimpan dan pengurusan isu ini diterapkan dalam beberapa komponen perakaunan kos keseluruhan. Mekanisme pengimbangan karbon hanya digunakan sebagai jalan terakhir setelah penjimatan tenaga dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui diambikira.	Rasional keseluruhan untuk mengurangkan jejak karbon dan ekologi difahami. Audit dan penjimatan dilapor dan diraikan. Kemahiran pelajar dalam pengauditan didokumenkan dan diperakukan.
---	---	---	---	--

2

PENGIJAUAN KURIKULUM DAN LATIHAN

Hasil yang diinginkan

TAHAP PELAKSANAAN

PERMULAAN

SEDIKIT KEMAJUAN

KEMAJUAN YANG MEMUASKAN

PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL

2.1 PENTINGNYA PENGIJAUAN

Fokus pengijauan rentas-kurikulum ditangani melalui kajian topik merentasi semua subjek dan peringkat, dan melalui kursus pengajian bersepadu.	Pengijauan hanya dilihat sebagai topik kursus khususnya untuk latihan kelayakan alam sekitar.	Pengetahuan, kemahiran dan kompetensi hijau diajar dalam kursus umum dan kursus khusus.	Pengetahuan, kemahiran dan kompetensi hijau diajar dalam kursus umum dan kursus khusus dan diwajibkan dalam pelaksanaan program TVET.	Pengijauan dikenal pasti sebagai keutamaan dalam semua dokumen sumber dan merentasi semua grad/peringkat. Skop dan jujukan yang jelas dalam dan di seluruh peringkat kelayakan atau tahap kompetensi dikenal pasti.
--	---	---	---	---

2.2 PENGIJAUAN DALAM SEMUA ASPEK KURIKULUM

Kurikulum dan latihan pengajaran berasaskan institusi atau sebagai sebahagian daripada pembelajaran berasaskan kerja, menekankan pengijauan di dalam topik dan mata pelajaran.	Program latihan hijau dan kelayakan memenuhi keperluan dan kepentingan pelajar.	Kurikulum mencerminkan tumpuan pengijauan dalam beberapa mata pelajaran.	Kurikulum mencerminkan fokus pengijauan dalam semua subjek dan tahap kompetensi kelayakan. Terdapat permintaan tinggi terhadap graduan dari institusi yang mengajar kemahiran hijau dan mempunyai pengalaman praktikal yang relevan.	Pengijauan yang menyeluruh merupakan bahagian yang penting dalam semua bentuk kurikulum. Graduan dari kursus yang berorientasikan kompetensi hijau mempunyai kebolehpasaran pekerjaan yang tinggi.
--	---	--	---	---

2.3 MENGHARGAI DAN MENGIKTIRAF PENGIJAUAN

Pengijauan kurikulum didorong oleh faktor dalaman dan luaran yang sangat dihargai oleh seluruh institusi.	Pengijauan kurikulum merupakan pematuhan mekanisma untuk mendapatkan dana, dan memenuhi piawaian latihan dan kemahiran pekerjaan.	Kemahiran dan kompetensi pengijauan ditambah secara sistematik terhadap kelayakan/program yang sedia ada dan baru.	Kemahiran dan kompetensi pengijauan ditambah secara sistematik dan sering dikemaskini terhadap kelayakan/program yang sedia ada dan baru, serta dijadikan pengkhususan bagi pelbagai jabatan dan program sedia ada untuk memenuhi keperluan pekerjaan baru.	Pendekatan kurikulum hijau telah mendapat pengiktirafan untuk institusi untuk menyokong industri tempatan, sumber mata pencarian dan penjana kekayaan tempatan. Institusi menyediakan perkhidmatan khusus bagi membantu institusi tempatan yang lain untuk menyesuaikan pendekatan kurikulum mereka mengikut prinsip pengijauan kurikulum.
---	---	--	---	---

2. KURIKULUM DAN LATIHAN	PERMULAAN	SEDIKIT KEMAJUAN	KEMAJUAN YANG MEMUASKAN	PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL
--------------------------	-----------	------------------	-------------------------	----------------------------------

2.4 PAUTAN KURIKULUM DAN KEPERLUAN KOMUNITI/KELESTARIAN PERNIAGAAN

Institusi memainkan peranan penting dalam pembangunan budaya kerja hijau di kalangan masyarakat setempat.	Program latihan hijau dan kelayakan memenuhi keperluan dan kepentingan pelajar.	Penghijauan kurikulum didorong oleh peralihan ekonomi hijau (seperti pekerjaan hijau di dalam industri solar, dan industri tenaga yang boleh diperbaharui), peraturan latihan yang baru, dan keinginan untuk memastikan kebolehpasaran pekerjaan graduan dalam industri/pekerjaan yang kritikal.	Kemahiran hijau diajar dan dilatih berdasarkan bukti kekurangan kemahiran dan ketidaksepadanan dalam pasaran buruh tempatan dan masyarakat, dan pengetahuan tentang kemungkinan perubahan/penghapusan pekerjaan. Pembelajaran berasaskan kerja/latihan ditawarkan dalam kemahiran hijau atau peningkatan kemahiran hijau.	Institusi ini diiktiraf oleh umum untuk peranan khusus yang dimainkannya, seperti menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang pembangunan lestari, yang termaktub dalam mandat institusi. Terdapat penilaian dan peningkatan berterusan dalam penyesuaian di antara kursus atau program latihan berasaskan kerja yang ditawarkan oleh institusi dengan permintaan kemahiran/kecekapan hijau.
---	---	--	--	--

2.5 PENGHIJAUAN ADALAH INKLUSIF

Kurikulum menggalakkan keusahawanan tempatan dan penglibatan kumpulan yang kurang bernasib baik (contohnya, golongan muda, wanita, orang kurang upaya, masyarakat luar bandar dan lain-lain golongan rentan).	Penghijauan kurikulum adalah mekanisma pematuhan untuk mengakses dana, dan memenuhi piawaian latihan dan kemahiran pekerjaan.	Motivasi penghijauan kurikulum adalah untuk memaklumkan proses bagi mempromosikan aktiviti, produk dan perkhidmatan yang mempengaruhi komuniti termasuk kumpulan kurang bernasib baik; meningkatkan penajaan kekayaan dan naungan industri tempatan.	Penghijauan kurikulum menghasilkan individu yang berdaya usaha yang mampu mengembangkan industri tempatan dan pengeluaran sumber serta mencipta pekerjaan. Penghijauan kurikulum memberi peluang kepada golongan kurang bernasib baik untuk melopori projek yang melibatkan komuniti dan pelbagai aktiviti lain yang ditawarkan oleh institusi.	Program yang ditawarkan memenuhi keperluan kemahiran dan kecekapan penghijauan di kalangan pelajar serantau dan antarabangsa. Kurikulum disesuaikan untuk pelajar/orang dewasa menghadapi halangan ekonomi, budaya, atau fizikal untuk memudahkan mereka masuk atau kembali ke pasaran buruh. Institusi memberi manfaat kepada kumpulan yang kurang bernasib baik melalui kursus jangka pendek atau lain-lain latihan formal atau bukan formal.
---	---	--	--	---

2.6 REKA BENTUK PENYAMPAIAN KURSUS YANG INOVATIF

Kandungan dan penyampaian kurikulum adalah sejajar dengan keperluan masyarakat.	Kaji selidik keperluan kelestarian komuniti dijalankan.	Kursus baru yang bersesuaian dirancang untuk kumpulan khusus; Tempoh penawaran kursus diperluaskan dari satu hari ke pelbagai tahun.	Program latihan dan kursus yang baru dan berkelansungan ditawarkan untuk memenuhi keperluan pelajar dan kakitangan syarikat.	Program latihan dan kursus yang baru dan berkelansungan ditawarkan untuk memenuhi keperluan pelajar dan kakitangan syarikat, dan fungsi khusus institusi dalam hal ini diiktiraf dengan baik.
---	---	--	--	---

2. KURIKULUM DAN LATIHAN	PERMULAAN	SEDIKIT KEMAJUAN	KEMAJUAN YANG MEMUASKAN	PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL
--------------------------	-----------	------------------	-------------------------	----------------------------------

2.7 KURIKULUM MENGIKTIRAF AMALAN KELESTRARIAN TRADISI

Semua dokumen kurikulum merangkumi perbezaan disiplin, budaya, dan perspektif termasuk pengetahuan asli/tradisional serta pandangan dunia.	Sesetengah sumber mula merangkumi disiplin, budaya, perspektif dan pandangan dunia yang berbeza.	Semua sumber menerapkan pengetahuan asli/tradisional setempat dan merangkumi beberapa perspektif kebudayaan lain.	Terdapat protokol mengenal pasti kriteria untuk menilai keterangkuman sumber bagi disiplin budaya, perspektif dan pandangan dunia yang berbeza, termasuk komponen pengetahuan asli/tradisional. Protokol ini juga digunakan untuk menilai sumber.	Semua sumber memenuhi keperluan keterangkuman dan pengetahuan serta perspektif asli/tradisional.
--	--	---	---	--

2.8 SUMBER KURIKULUM HIJAU TERSEDIA ADA

Sumber Pendidikan Pembangunan Kelestarian (ESD) termasuk pelbagai jenis media, sampel unit pembelajaran, profil kursus, panduan pengajaran, dan sumber dalam bentuk elektronik dan teks, disediakan bagi tenaga pengajar.	Institusi mula menerapkan penghijauan dalam beberapa subjek.	Sesetengah subjek menerapkan konsep penghijauan di dalam kandungan, dan metodologi pengajaran.	Komponen penghijauan diterapkan dalam kebanyakan subjek merintasi semua peringkat dan program pembelajaran di institusi atau di tempat kerja.	Semua subjek mempunyai komponen penghijauan merentasi semua peringkat atau program yang mesra pengguna atau boleh diakses dalam pelbagai format.
---	--	--	---	--

2.9 PENGAJARAN/PEDAGOGI MENCERMINKAN PENGHIJAUAN

Pendekatan pedagogi melibatkan pemikiran sistem, pertanyaan, penemuan, pembelajaran aktif, penyelesaian masalah dan pemikiran masa depan, yang menekankan pendekatan tempatan dan global, yang mudah disesuaikan di dalam kelas atau di tempat kerja.	Penghijauan tidak diintegrasikan ke dalam program pembangunan profesional institusi, tetapi sebaliknya diakses melalui persatuan profesional.	Penghijauan adalah sebahagian daripada pembangunan profesional (PD) dalam beberapa subjek.	Semua pusat pembangunan profesional mempunyai komponen penghijauan.	Semua pusat pembangunan profesional mengabungkan penghijauan dengan amalan inklusif, termasuklah sumbangan mereka sebagai warga global. Institusi berkerjasama dengan Persatuan Professional untuk menawarkan program pembangunan profesional (PD).
---	---	--	---	--

2.10 PENGHIJAUAN DICERMINKAN MELALUI PENGGUNAAN BAHAN TEMPATAN

Persekitaran semulajadi dan binaan-manusia digunakan sebagai tapak pembelajaran secara penemuan dan aktif.	Strategi pengajaran Pendidikan Pembangunan Kelestarian (ESD) terhad kepada arahan di dalam bilik darjah.	Bangunan institusi ini menyediakan tapak (kawasan) untuk memupuk kefahaman mengenai tenaga, sisa dan air melalui aktiviti kurikulum atau kokurikulum.	Bangunan institusi, kawasan dan masyarakat setempat digunakan sebagai tapak untuk memahami isu kelestarian bagi menggalakkan pengambilan tindakan melalui aktiviti kurikulum atau kokurikulum.	Perkhidmatan pembelajaran yang merangkumi prinsip-prinsip penghijauan wajib diterapkan di dalam setiap kursus, serta memberi tumpuan kepada institusi dan komuniti tempatan serta global.
--	--	---	--	---

2. KURIKULUM DAN LATIHAN	PERMULAAN	SEDIKIT KEMAJUAN	KEMAJUAN YANG MEMUASKAN	PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL
--------------------------	-----------	------------------	-------------------------	----------------------------------

2.11 PELAJAR BELAJAR PENGHIJAUAN DARIPADA AMALAN INSTITUSI

Institusi menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyokong, di mana pelajar-pelajar terlibat dalam membuat keputusan tentang institusi dan pembelajaran penghijauan mereka.	Pelajar digalakkan berbincang mengenai kemusykilan mereka tentang apa yang diajar, serta sistem penilaian.	Sebahagian pelajar terlibat dalam Jawatankuasa Penasihat institusi untuk membangunkan program penghijauan.	Kebanyakan pelajar terlibat dalam pelaksanaan penghijauan institusi. Kemahiran yang berkaitan dengan hak dan tanggungjawab pekerja serta politik tempat kerja juga diajar untuk memupuk kemahiran penghijauan tempat kerja yang boleh digunakan di masa hadapan.	Dalam mereka bentuk proses penghijauan, pendapat pelajar dipinta secara aktif. Pelajar memupuk perasaan bertanggungjawab sebagai seorang warganegara global yang dapat dilihat melalui tindakan mereka di tempat kerja dan melalui gaya hidup peribadi.
---	--	--	---	--

2.12 PENGHIJAUAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA STRATEGI PENILAIAN TERAS

Mekanisma penilaian yang telus memantau pencapaian pelajar dalam penghijauan, termasuk pendekatan pembelajaran-tindakan.	Tiada data pelajar dikompilkan pada peringkat sistem.	Pengumpulan kredit dan kadar graduasi dikompilkan untuk menyokong penambahbaikan berterusan dan perkongsian amalan penghijauan yang memberangsangkan.	Data kad laporan, pengumpulan kredit dan kadar graduasi dikompilkan di peringkat sistem untuk menyokong penambahbaikan berterusan dan perkongsian kecekapan penghijauan yang boleh dimasukkan ke dalam skim penilaian.	Terdapat proses mengumpul dan memantau pencapaian pelajar berdasarkan ketrampilan (sbg. cth. pengetahuan, kemahiran dan perspektif) penghijauan. Kecekapan penghijauan adalah ditekankan dan diberi nilai yang tinggi dalam skim penilaian. Terdapat komuniti pembelajaran di kalangan kakitangan dan pelajar di mana idea tentang amalan dan kecekapan baru penghijauan yang memberangsangkan dikongsi. Keperluan pembelajaran servis yang menerapkan penghijauan dinilai sebagai sebahagian daripada kursus.
--	---	---	--	---

2. KURIKULUM DAN LATIHAN	PERMULAAN	SEDIKIT KEMAJUAN	KEMAJUAN YANG MEMUASKAN	PERUBAHAN YANG SEBABI DAN STABIL
--------------------------	-----------	------------------	-------------------------	----------------------------------

2.13 PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA

